

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 36

Hari Khamis

18 Disember 1997

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Kebenaran Bercuti (Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1997 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 1997 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) (No. 2) 1997 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 (Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 18 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2), Perlembagaan Persekutuan kepada Ahli Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim dari 15 Disember hingga 18 Disember 1997.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**HELIKOPTER, KAPAL TERBANG DAN KAPAL MEWAH
MILIK PERSENDIRIAN - HARGA DAN JUMLAH**

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan harga dan jumlah helikopter, kapal terbang dan kapal mewah (yacht) bagi kegunaan persendirian (private) oleh syarikat-syarikat dan individu.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah helikopter untuk kegunaan persendirian ialah 36 buah dan untuk pengangkutan penumpang ialah berjumlah 64 buah. Bagi kategori kapal terbang pula ialah sebanyak 75 buah adalah untuk kegunaan sendiri, 184 buah untuk kegunaan pengangkutan dan 6 buah untuk kegunaan kerja-kerja yang melibatkan kegunaan pesawat udara seperti areal work, dengan izin. Bagi kapal mewah pula, iaitu dengan izin, yacht, sehingga kini terdapat sebanyak 35 buah yang telah didaftarkan di bawah Sistem Pendaftaran Kapal Malaysia yang meliputi kegunaan persendirian dan juga syarikat.

Berkaitan dengan harga bagi pesawat pula adalah tertakluk kepada jenis, saiz peralatan dan juga pengubahsuaian kepada pesawat-pesawat berkenaan. Begitu juga bagi kapal mewah, harga kapal-kapal itu bergantung kepada saiz, berat dan jenis enjin yang digunakan. Bagi kapal terbang, misalnya Boeing 777 harganya lebih kurang US\$100 juta, ini sebagai contoh.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kita sekarang ini berdepan dengan keadaan ekonomi yang agak meruncing, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan adakah pihak kerajaan bercadang terutama sekali di dalam syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan untuk menentukan supaya helikopter, kapal terbang dan juga yacht kalau ianya dipunyai oleh syarikat-syarikat kepunyaan di mana kerajaan mempunyai saham sepatutnya dicadangkan supaya helikopter, kapal terbang dan juga yacht ini dijual sahaja untuk sementara waktu.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak ada cadangan untuk menjual kapal terbang yang mana kerajaan ada kepentingan di dalamnya, misalnya seperti yang ada dalam penerbangan MAS. Begitu juga yang kita telah tempah, tidak ada cadangan untuk dibatalkan, oleh kerana kapal terbang itu masih lagi kita perlukan untuk perkhidmatan pengangkutan orang ramai sama ada dalam negara dan juga luar negara. Manakala yang kita telah tempah penghantarannya stagnant beberapa tahun. Mungkin dalam tempoh bila tiba esok nilai wang telah berubah, maka dengan itu tidak ada apa-apa cadangan pada ketika ini.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana pembelian aset seperti helikopter, kapal terbang dan kapal mewah, walaupun untuk kegunaan persendirian (private) ia merupakan perbelanjaan modal secara tidak langsung kepada negara. Jadi, sejauh manakah kerajaan dapat mengawal supaya kos dan perbelanjaan modal tadi dapat diseragamkan supaya apabila suasana berlaku seperti sekarang ini kita dapat melihat kos dalam perbelanjaan modal yang begitu besar dapat diperkukuhkan kedudukannya?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes-kes katakan ada cadangan untuk pembelian baru, kerajaan telah menyatakan bahawa ianya semua perlu melihat kepada kedudukan ekonomi sekarang. Kita telah pun ada dasar mengurangkan import, kerana itu kalau orang yang berada hendak beli yacht mewah untuk bersiar-siar di perairan kita, AP mungkin akan dikeluarkan dalam keadaan sekarang. Itulah antara tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, saya tertarik hati bahawa Kelab Belia 4B ada latihan kapal terbang. Saya hendak tahu berapa buah Kelab Belia 4B yang mempunyai kapal terbang, berapa harga yang dibeli dan mempunyai berapa buah, yang mana Yang Berhormat sendiri jadi Pengerusi Belia 4B Malaysia. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Majid memang bekas activist Belia 4B. *[Ketawa]* Kapal terbang kita tidaklah macam Boeing 777, tetapi ini cicit kepada Boeing 777-lah. *[Ketawa]* Kalau triple seven harganya US\$100 juta, yang ini harganya cuma RM60,000 sahaja. Kalau banding dengan duit US sekarang ini mungkin bawah RM20,000. Ini pun untuk menggalakkan belia-belia supaya gemar ataupun mencebur diri dalam bidang aerospace, kerana negara kita semakin hari semakin terlibat dalam kegiatan udara. Jadi, dengan terlibatnya penerbangan micro-light, mereka boleh rasa berani, sebab micro-light ini terbuka dan mudah dibawa. Setelah lima jam biasanya seseorang itu berani bawa sendiri, tetapi dengan ditemani oleh seorang instructor. Dalam tempoh 30 jam mereka boleh menduduki ujian untuk menjadi pilot micro-light yang sah.

Sekarang ini Kelab Penerbangan Belia 4B Malaysia mempunyai tujuh micro-light. Kita telah pun bekerjasama dengan Persatuan Jurutera MAS untuk buat micro-light sendiri. Sebuah modelnya telah pun siap di Negeri Sembilan dan sekarang sedang dibukukan design kapal terbang itu untuk kelulusan DCA. Selepas itu kita boleh beli dengan harga yang lebih murah daripada harga yang ada pada hari ini.

PENYERAPAN KAKITANGAN KONTRAK KE JAWATAN TETAP DI ALAM FLORA - JAMINAN

2. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan Perkhidmatan Awam akan menyerap kakitangan berjawatan kontrak ke jawatan tetap sebelum mereka ini dipindahkan kepada 'Alam Flora', kerana sebilangan besar daripada mereka sudah lama berkhidmat, tetapi masih berjawatan kontrak, untuk menjamin masa depan mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kakitangan yang dilantik secara kontrak biasanya tidak memenuhi syarat untuk dilantik secara tetap. Oleh yang demikian, penyerapan mereka ke jawatan tetap khususnya ke jawatan yang mereka sandang secara kontrak itu tidak berbangkit. Namun demikian, jika mereka memiliki syarat perlantikan tetap untuk mana-mana jawatan dalam Perkhidmatan Awam, mereka bolehlah memohon kepada pihak berkuasa melantik untuk dipertimbangkan.

Dalam urusan penswastaaan agensi awam, iaitu termasuklah penswastaaan pelupusan sisa pepejal yang dikendalikan oleh Alam Flora, kerajaan menggalakkan syarikat terbabit mengambil pekerja bukan sahaja kakitangan tetap dan sementara tetapi juga kakitangan kontrak dan sambilan yang ingin berkhidmat dengan mereka. Dengan itu, kerjaya kakitangan berkenaan tidak terjejas. Ini

bermakna masa depan kakitangan terbabit termasuk kakitangan kontrak tetap terjamin walaupun agensi tempat mereka bertugas diswastakan.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi kedudukan ekonomi semasa adakah kerajaan bercadang mengurangkan kakitangan kerajaan supaya perbelanjaan kerajaan dikurangkan untuk menghadapi ekonomi pada masa sekarang?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang melaksanakan program pengurangan kakitangan kerajaan yang terencana, iaitu a plan minimization melalui perkara-perkara melalui penswastaan. Tetapi semata-mata kerana keadaan ekonomi kita meleset maka kita kena kurangkan kakitangan kerajaan, kerajaan tidak memikir secara yang sedemikian, kerana ini sesungguhnya, dengan izin, akan aggravate keadaan semasa pada ketika. Kerajaan merasakan berkemampuan untuk mempertahankan apa yang ada, malah akan berterusan mengurangkan kakitangan kerajaan mengikut perencanaannya bersesuaian dengan penswastaan dan sebagainya.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa antara tugas Alam Flora ini ialah untuk membersihkan Bandaraya Kuala Lumpur. Sehingga hari ini ternyata Kuala Lumpur masih lagi belum di tahap bersih sebagaimana yang dikehendaki. Apakah tindakan kerajaan dalam hal ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar dari soalan asal. Namun demikian, kalau....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat pergi cuci sama-samalah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua jawab bagi pihak saya, saya ucap banyak terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, saya ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan sedar terdapat agensi-agensi kerajaan yang menjalankan tugas yang bertindih. Untuk meringankan bebanan kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan agensi-agensi berkenaan ataupun hendak mencantumkan agensi-agensi yang ada ini. Satu lagi saya minta kerajaan menyatakan jawatan-jawatan yang ditakrif sebagai jawatan yang jumud pada masa sekarang?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih di atas soalan yang baik daripada Yang Berhormat. Sebenarnya memang kerajaan dari masa ke semasa melaksanakan program mengintegrasikan agensi-agensi yang perlu diintegrasikan. Kerajaan sendiri mempunyai falsafah

kepada pihak swasta, mereka perlu menggabungkan tenaga bagi menentukan, dengan izin, competitive aid, dan pihak kerajaan memang menyedari apa yang dipandang oleh Yang Berhormat bahawasanya kerajaan juga perlu menunjukkan cara yang baik di dalam melaksanakan program kerajaan.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya jawab dengan sepintas lalu, iaitu memang dalam perancangan kerajaan kita meneruskan penghapusan agensi-agensi yang, dengan izin, redundant dan juga mencantumkan agensi-agensi yang dikatakan ada pertindihan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap soalan saya tidak terkeluar dari soalan asal. Saya ingin mendapat penjelasan siapakah pemilik Alam Flora? Yang kedua, adakah kerajaan memperuntukkan konsesi, kalau ada apakah bentuk konsesi yang kerajaan sediakan untuk Alam Flora?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau tanya fasal Alam Flora, ini di bawah kementerian lain. Saya hanya sentuh perkhidmatannya tadi. Walau bagaimanapun, dia tanya siapa pemilik Alam Flora. Sesungguhnya kerajaan yang memilikinya, iaitu khususnya Kabinet yang setelah dibuat kajian melalui Economic Planning Unit ataupun Unit Perancangan Ekonomi. Tidak ada konsesi istimewa diberi, kecuali apa yang hak bagi mereka.

SEKTOR PENGEDARAN (SYARIKAT JUALAN LANGSUNG) - PENYERTAAN BUMIPUTERA

3. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah usaha kementerian meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor pengedaran dan setakat ini apakah rancangan kementerian untuk memastikan bumiputera memiliki ekuiti dalam syarikat jualan langsung hakmilik asing sepenuhnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertanggungjawab mengawal dan melesen pengedaran barangan petroleum. Usahawan bumiputera diberi keutamaan dalam kebenaran atau lesen menjual barang petroleum. Sehingga kini daripada 2,700 buah stesen minyak di seluruh negara, 60.5% dimiliki oleh pengusaha bumiputera. Sementara dalam ekuiti-ekuiti pengedaran pula sebanyak 50% dikendalikan oleh bumiputera.

Bagi menjawab soalan kedua, kerajaan tidak bercadang untuk memastikan syarikat jualan langsung hakmilik asing dimiliki sepenuhnya oleh rakyat tempatan. Walau bagaimanapun, kerajaan telah menetapkan satu panduan mengenai penyertaan asing dalam sektor borong dan runcit termasuk syarikat jualan langsung di mana rakyat asing dibenarkan memiliki ekuiti tidak melebihi 30%. Baki 70% hendaklah dipegang oleh rakyat tempatan dan daripadanya sekurang-kurangnya 30% untuk

bumiputera. Sehingga kini sebanyak 111 buah syarikat jualan langsung yang mempunyai ekuiti asing lebih daripada yang ditetapkan telah diarah menyusun semula ekuitinya bagi membolehkan bumiputera dan rakyat tempatan memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikat berkenaan. Dari jumlah ini 40 syarikat telah mematuhi panduan yang ditetapkan dan 71 syarikat lagi dalam proses menyusun semula ekuiti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada ketika ini terdapat sebanyak 133 syarikat jualan langsung yang dimiliki secara majoritinya, iaitu 51% ke atas oleh rakyat bumiputera dan sebanyak 53 buah syarikat pula dimiliki secara usahasama oleh bumiputera dengan rakyat tempatan dan pemilik asing.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita dapati melalui satu program, saya tidak berapa sedar, apakah bentuk program, tetapi satu lesen ataupun kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada emporium yang besar-besar untuk melaksanakan satu penjualan secara langsung di majlis daerah di seluruh negara sehingga memberi satu kesan yang kurang baik kepada usahawan dan juga pedagang-pedagang kecil di daerah masing-masing. Apakah kementerian sedar bahawa program yang dilihat begitu indah di peringkat kebangsaan tetapi ianya sesungguhnya memberi ketidakpuasan di peringkat daerah-daerah terutama sekali usahawan-usahawan kecil bumiputera?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan oleh Ahli Yang Berhormat tidak begitu jelas oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak menyebut apa lesen. Jika maksud Ahli Yang Berhormat itu lesen jualan langsung, saya boleh jawablah.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, di Terengganu sebuah syarikat diberi kuasa ataupun diberi lesen untuk berniaga di sebuah Dewan Majlis Daerah di daerah yang lain. Maksudnya usahawan yang besar di ibu negeri ataupun di daerah lain tetapi dibenarkan berniaga, compete dengan secara langsung, saya tidak tahu apa program, saya dengar katanya program inflasi sifar, sedangkan ia tidak mencerminkan satu bentuk dari segi kawalan harga, tidak ada jualan murah, malah setengah-setengah barang yang ditentukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, syarikat besar ini menjual lebih mahal daripada barang-barang yang dijual oleh usahawan ataupun pedagang yang telah ada di daerah. Maksud saya kalau Yang Berhormat Menteri dapat siasat perkara ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat memberi maklumat yang lebih tepat. Kalau tidak ada tidak dapat dikesan. Oleh kerana kementerian tidak

melantik mana-mana syarikat untuk melakukan penjualan mana-mana barang di mana-mana daerah di seluruh negara. Cuma kalau ada syarikat yang bercadang untuk melakukan jualan langsung atau jualan murah, kita memberi kebenaran. Itu pun atas permohonan syarikat dan menentukan barang-barang yang mereka akan memberitahu berapakah penurunan harga dan sebagainya, barulah kita memberi kebenaran, iaitu untuk menjalankan jualan murah atau kalau jualan langsung, kita menimbangkan pemberian lesen kepada syarikat-syarikat. Kalau Ahli Yang Berhormat memberi maklumat yang lebih tepat kita boleh menjalankan siasatan terhadap perkara ini.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah peratus jumlah produk import yang dijual oleh syarikat-syarikat jualan langsung dan dalam keadaan ekonomi sekarang adakah kementerian bercadang untuk mengadakan atau mewujudkan peraturan untuk mengurangkan atau mengawal pengimportan barangan produk-produk tersebut.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu mengenai peratusan produk yang diimport, saya tidak dapat memberi peratusan yang tepat. Walau bagaimanapun, mengenai bahagian kedua mengenai apakah langkah-langkah kementerian, suka saya jelaskan bahawa kita telah membekukan pemberian lesen baru kepada syarikat-syarikat yang memohon selepas keadaan ekonomi telah tidak begitu baik. Maka sekarang mana-mana syarikat yang memohon untuk dapat memperolehi lesen jualan langsung perlu mengedarkan barang-barang tempatan sekurang-kurangnya 80%, itu pun akan ditimbang. Jadi, ini adalah satu langkah.

Yang kedua, kita telah mengeluarkan arahan kepada semua syarikat jualan langsung yang telah dilesen sebelum ini untuk mengambil tindakan tertentu bagi membuat barang-barang yang diimport di negara kita dalam satu jangka masa yang dapat ditimbangan. Itulah kita beri tempoh yang panjang. Tetapi bagi syarikat baru yang ingin import, kita telah memberhentikan.

Yang ketiga, kita juga menasihati pengguna supaya jangan membeli barang-barang yang diimport, tetapi pilih barang-barang yang dibuat dalam Malaysia atau barang-barang buatan tanah air.

PENGUNAAN CERMIN GELAP OLEH SYARIKAT BAS METRO (METRO BUS) - PERATURAN

4. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah perkhidmatan Metrobus menggunakan cermin gelap yang beroperasi di Lembah Klang dan persekitarannya. Sedangkan menggunakan cermin gelap dilarang sama sekali oleh kenderaan awam.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan yang sedia ada sekarang semua jenis bas adalah dibenar menggunakan cermin gelap pada semua tingkap tepinya, kecuali tingkap kiri dan kanan yang bersebelahan dengan pemandu. Justeru itu, mana-mana bas yang menggunakan cermin gelap mengikut peraturan yang ada sekarang adalah tidak menyalahi undang-undang. Ini selaras dengan Motor Vehicles Road Act, 1991, Perkara 5(3).

PERKHIDMATAN POLIS - PENYERTAAN GOLONGAN CINA

5. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) peratusan anggota berketurunan Cina dalam pelbagai pangkat dalam polis; dan
- (b) sejauh manakah kempen untuk menggalakkan kaum Cina menyertai polis, berjaya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Peratusan anggota keturunan Cina dalam pelbagai pangkat dalam pasukan Polis Diraja Malaysia adalah 2,365 orang daripada semua pangkat, iaitu 3.1% daripada keseluruhannya jumlah anggota polis dalam negara. Pelbagai langkah telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia khususnya kaum Cina menyertai polis. Namun begitu, langkah-langkah tersebut masih belum dapat menarik minat yang kuat di kalangan kaum Cina menyertai polis terutamanya bagi jawatan-jawatan pangkat rendah.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan rakyat Malaysia yang berketurunan Cina tidak berminat masuk pasukan polis?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya pada keseluruhannya rakyat keturunan Cina di seluruh negara bukan sahaja kurang berminat dalam pasukan polis, tetapi mereka kurang berminat untuk bekerja dengan kerajaan memandangkan gaji yang tidak setanding dengan swasta. Yang kita ketahui umum orang-orang Cina lebih suka berniaga dan mencari rezeki dengan cara bersendirian. Namun demikian, dalam pasukan polis pun majoriti anggota polis sama ada di tahap pegawai dan ke atas dan bilangan mereka yang menduduki jawatan-jawatan di bawah jawatan pegawai tidak begitu banyak.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Anggota polis negara kita tidak mencukupi. Umpamanya kawasan saya 62 batu persegi hanya ada 18 anggota polis, semua tugas mereka bertanggungjawab. Saya setuju bahawa anggota polis, iaitu kaum India tetapi bilangan mereka paling kecil. Apakah satu langkah yang berkesan telah diambil bagi mewujudkan minat masyarakat khususnya Cina dan India negara ini untuk menyertai dalam Polis Diraja Malaysia?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya ingat soalan ini terkeluar daripada soalan asal, tetapi ada dikaitkan dengan galakan, maka izinkan saya memberi jawapan. Memang kerajaan menjalankan bermacam cara untuk menggalakkan orang-orang bukan Melayu menyertai pasukan polis, terutama mengiklankan kekosongan jawatan. Kedua, berhubung dengan pertubuhan-pertubuhan Cina dan pertubuhan-pertubuhan keturunan-keturunan yang lain, membuat pertemuan dan penerangan dengan pertubuhan-pertubuhan politik, mengadakan pameran polis, mengadakan syarahan-syarahan dan sebagainya. Jadi, walaupun begitu jumlahnya khususnya orang keturunan Cina masih berkurangan dalam polis. Dari segi kaum India saya tidak ada statistik, saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan Kok Kwan.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

PENJAJA BERGERAK - PENGGUNAAN SATU LESEN PERNIAGAAN

6. **Dr. Yeow Seng Huat [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh penjaja bergerak termasuk penjaja pasar malam yang terpaksa bergerak dari setempat ke setempat, dari sebuah negeri ke sebuah negeri dan dari sebuah bandar ke sebuah bandar untuk menjalankan perniagaan mereka:

- (a) adakah kementerian akan menggubal satu polisi kebangsaan untuk membolehkan penjaja-penjaja dengan satu lesen; dan
- (b) adakah kementerian akan meminda Akta Kerajaan Tempatan supaya penjaja boleh menjalankan perniagaan mereka di seluruh negara dengan menggunakan satu lesen sahaja.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan apa-apa dasar atau meminda Akta Kerajaan Tempatan untuk membolehkan penjaja berniaga dengan hanya satu lesen di seluruh negara.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana penjaja merupakan satu usahawan kecil yang begitu ramai di setiap daerah dan ianya banyak dikawal oleh Majlis Perbandaran dan juga Majlis-majlis Daerah. Apakah kerajaan mahu mengadakan satu dasar

supaya wakil dalam persatuan penjaja dapat duduk bersama sebagai ahli-ahli Majlis Daerah ataupun di perbandaran dan sebagainya?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asal, tetapi izinkan saya menjawab. Sebenarnya untuk menduduki sebagai ahli-ahli Majlis-majlis Tempatan atau Majlis Daerah, ini adalah di bawah tanggungjawab bidang kuasa kerajaan negeri dan terpulanglah kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk berbincang meminta kerjasama kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penjaja-penjaja pasar malam, pasar minggu dan pasar harian ini merupakan outlet yang penting untuk membekalkan barang-barang yang dihasilkan dari luar bandar kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, apakah program pihak kerajaan bagi memperkemaskan lagi sistem penjajaan di pasar-pasar malam ini supaya penyetaannya lebih ramai dan barang-barang yang harga berpatutan boleh diedarkan kepada pengguna?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar tentang kesesuaian tempat-tempat yang diniagakan digunakan untuk pasar-pasar malam dan pasar-pasar siang. Jadi, pihak kementerian telah pun mengarahkan semua pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mencari tempat-tempat yang lebih sesuai di mana ianya mempunyai tempat-tempat letak kereta, tempat-tempat yang jauh daripada lalu lintas yang merbahaya, lori dan sebagainya. Jadi, arahan ini telah pun keluar. Pihak berkuasa tempatan juga diminta menceriakan tempat-tempat berkenaan dengan hiasan landskap dan sebagainya supaya tempat-tempat ini bukan sahaja dinampakkannya cantik, bahkan juga pihak peniaga sendiri diminta menjaga kebersihan yang mana pada hari ini kebersihan pasar-pasar malam dan pasar-pasar siang selepas sahaja perniagaan selesai didapati sampah sarap banyak dan menjadikan masalah kepada pihak berkuasa tempatan.

TANAMAN PISANG SECARA BESAR-BESARAN - CADANGAN EKSPORT

7. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah eksport buah pisang negara, jika ada dan adakah kerajaan bercadang untuk menggalak penanaman pisang secara besar-besaran untuk dieksport memandangkan kepada permintaan dari Republik Rakyat China yang begitu besar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, tahun 1996 jumlah eksport pisang negara adalah sebanyak RM13,278,249. Kerajaan memang sentiasa menggalakkan pihak swasta menceburi dalam bidang pertanian termasuk menanam pisang secara besar-besaran untuk tujuan mengeksport. Selain daripada syarikat swasta penglibatan pekebun-

pekebun kecil dalam penanaman pisang dialu-alukan oleh Kementerian Pertanian. Buat masa ini kementerian mempunyai kira-kira 29,000 hektar tanah di seluruh negara dengan tanaman pisang.

Mengenai untuk pasaran pisang negara, kebanyakan pisang yang dikeluarkan oleh negara dijual oleh pasaran tempatan atau dieksport ke pasar internasional dan ke Singapura. Kerajaan tidak bercadang untuk mengeksport pisang ke Republik Rakyat Cina setakat ini. Walau bagaimanapun, memang menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan pengeksporan buah-buahan negara dan mempelbagaikan perusahaan mereka. Oleh itu, usaha untuk mengeksport pisang ke Republik Rakyat Cina adalah dialu-alukan.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jenis pisang yang sedang kita eksport sekarang dan apakah jenis pisang yang lain yang dapat dieksportkan, dan selain daripada negara Singapura negara mana yang mengimport pisang?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Kebanyakan jenis tanaman pisang ialah pisang berangan, montel dan juga pisang emas. Negara-negara yang kita eksport Singapura ialah yang terbanyak sekali.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sektor pertanian ini termasuklah penanaman pisang dan juga makanan-makanan ini sangat penting dan ia boleh membantu ke arah mengurangkan defisit akaun semasa negara, mengapa kerajaan tidak merencanakan memberi perlindungan kepada sektor pengeluaran bahan-bahan makanan di dalam negara. Sekarang ini kalau kita galakkan orang tanam, kadang-kadang pemasaran harga barang tempatan kita menjadi rendah sebab kita tidak beri dasar perlindungan. Kita benarkan import daripada luar dan kita benarkan dijual secara berleluasa. Ini merugikan kerajaan. Oleh sebab itu, sudah sampai masanya kementerian melaksanakan dasar perlindungan bagi keluaran bahan-bahan makanan tempatan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, dasar perlindungan sentiasa kita jalankan disebabkan kita adalah sentry kepada WTO. Kita akan membuka pasaran, kemudian nanti kita ada perancangan untuk membuka pasaran lebih luas sedikit kepada negara-negara asing untuk mengeksport barang-barang mereka. Walaupun kita eksport sekarang ini tetapi yang kita ingat ialah penglibatan perlulah menjadi lebih efisien untuk mengeluarkan barang-barang mereka dan ada banyak lagi barang yang perlu dikeluarkan walaupun tidak dikenakan sekatan luar tetapi kita boleh juga guna dalam negara. Bagi pihak kementerian saya maklumkan kepada semualah termasuk Yang Berhormat untuk tanam, tanam apa sahaja walaupun cabai, walaupun pisang, walaupun kacang bendi yang kita boleh ditanam

sekeliling rumah. Dengan inilah dapat kita mengurangkan pengimportan barang dengan cara kita menanam.

PELABURAN WANG (KOPERASI) DI PASARAN TERBUKA - KAWALAN

8. **Puan Hajah Rahaiah binti Baهران** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan hasrat kementerian di atas kebenaran yang telah diberi kepada koperasi-koperasi bagi melaburkan wang di pasaran terbuka. Minta jelaskan di atas kawalan-kawalan yang akan kementerian jalankan supaya kebenaran ini tidak disalahgunakan dan wang anggota-anggota disimpan dengan selamat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini tujuan kementerian membenarkan koperasi-koperasi melaburkan wang lebih di bursa saham tempatan BSKL ialah bagi memberi peluang kepada koperasi-koperasi yang mempunyai wang lebih untuk merebut peluang melabur dalam saham-saham di BSKL. Bagi maksud kawalan pula kebenaran yang diberi adalah tertakluk kepada dua syarikat penting, iaitu pembelian saham itu diluluskan oleh mesyuarat agung koperasi berkenaan dan saham itu dibeli dengan menggunakan wang berlebihan koperasi itu dan tidak dengan wang pinjaman. Bagi kawalan berterusan secara langsung langkah-langkah berikut diambil. Pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi ditugas menyelia koperasi di peringkat daerah dan memberi teguran, nasihat, bimbingan dalam mesyuarat lembaga serta melalui minit mesyuarat agung dan minit-minit mesyuarat lembaga yang dimonitor dari masa ke semasa, dan pegawai-pegawai jabatan juga menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pihak kerajaan setakat ini berapakah jumlah wang lebih daripada koperasi-koperasi ini yang telah dilaburkan di dalam saham-saham BSKL dan berapakah kerugian memandangkan apa yang berlaku sekarang ini yang menimpai koperasi-koperasi ini, kerana kita tahu kementerian menerima setiap bulan laporan-laporan daripada kegiatan-kegiatan koperasi?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan di dalam saham-saham semasa ada beberapa angka, tetapi saya tidak ada jumlahnya. Saya mohon untuk memberi....

Tuan Yang di-Pertua: Minta notislah.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Ya, minta notis sebab sangat spesifik. Untuk makluman, kalau tidak silap saya soalan yang ditanya tadi berapakah jumlah yang melabur,

mungkin yang melabur semenjak arahan baru ini diberi, setakat ini kementerian belum lagi dapat apa-apa maklumat daripada koperasi-koperasi yang telah melabur dalam pasaran saham sejak arahan baru ini.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hingga ke tarikh ini berapakah jumlah penyelewengan dalam koperasi-koperasi yang ada dalam pengetahuan kementerian dan jika ada, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu terkeluar daripada soalan asal sebab yang ditanya ialah penyelewengan, tetapi yang kita bincangkan ialah berkenaan dalam pasaran saham tempatan. Saya tidak ada angka itu pada masa ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi ahli-ahli terutama sekali penduduk-penduduk golongan berpendapatan sederhana sangatlah penting. Sejauh manakah pihak kementerian merancang satu program supaya koperasi-koperasi terlibat dengan pengeluaran dan pemasaran bahan-bahan makanan, terlibat dengan industri kecil yang bersangkutan dengan kawasan-kawasan industri di negeri-negeri supaya dengan cara ini penyertaan menyeluruh oleh rakyat itu sama-sama mendapat manfaat.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berkenaan dengan pasaran.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Pasaran.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pasaran terbuka, bukan, usaha-usaha lain tidak ada. Saya ingat kita pergi kepada soalan lain.

MUTU PASUKAN BOLA SEPAK KEBANGSAAN - RANCANGAN JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG

9. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan kemerosotan pasukan bola sepak kebangsaan, apakah rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang yang akan diambil oleh kementerian untuk meningkatkan mutu pasukan bola sepak kebangsaan yang merupakan kebanggaan setiap penduduk Malaysia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan telah ditanya dan ditujukan ke atas perkara prestasi bola sepak negara kita ini. Saya ucapkan banyak terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat, semoga keprihatinan ini dapat mempertingkatkan prestasi pasukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang merupakan badan induk sukan bola sepak negara kita ini adalah badan yang bertanggungjawab untuk memajukan sukan bola sepak. Mengikut maklumat yang disampaikan kepada kementerian saya bahawa persatuan berkenaan

telah dan sedang melaksanakan program-program pembangunan jangka pendek dan jangka panjang yang lebih agresif lagi bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi bola sepak negara.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada sebab kemelesetan bola sepak ini ialah perkembangan rasuah pada satu ketika dahulu di dalam bola sepak iaitu ada permainan-permainan yang dijual. Apakah kesannya sehingga hari ini, setakat manakah keadaan ini telah dipulihkan. Ada juga pandangan yang mengatakan kekalahan di Jakarta kepada Laos baru-baru ini juga adalah kerana permainan itu dijual, apakah ini benar?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memang kita masih ingat bahawa pada satu ketika yang lalu ada perkara rasuah berlaku di pasukan negara kita ini. Tetapi tindakan keras telah diambil oleh persatuan yang berkenaan dan beberapa pemain telah dibuang dan kita nampak ini telah mengakibatkan kemelesetan pasukan bola sepak negara kita ini. Jadi, saya ingin memberitahu Yang Berhormat berkenaan bahawa tindakan telah diambil, kita telah nampak kesan yang baik dan positif.

Sekarang kita memerlukan masa supaya kita dapat memulihkan semula kekuatan pasukan negara kita ini. Kali ini kita gagal kepada pasukan Laos, satu pasukan yang mana negara kita tidak mempunyai pertandingan liga dan juga peruntukan daripada kerajaan mereka untuk sukan bola sepak begitu kurang, begitu rendah kalau dibandingkan dengan negara kita, masih kita kalah kepada pasukan Laos, itu adalah menyusahkan hati kita. Jadi, ini tidak ada bukti bahawa pemain-pemain bola sepak kita dijual kali ini. Tetapi cuma kemungkinan bahawa mereka tidak begitu profesional, mereka tidak begitu bertanding dengan sekuat-kuatnya, jadi mereka kalah. Tindakan telah diambil oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia supaya pemain-pemain lama ini dibubar dan tempat mereka diambil alih oleh pemain-pemain bola sepak yang lebih muda supaya kita harap budaya yang ada di antara mereka ini akan dipulih semula.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila mendengar ada rancangan jangka pendek kemudian jangka panjang untuk menaikkan taraf bola sepak kita, apakah rancangan jangka panjang ini termasuklah untuk mewujudkan sebuah institusi bola sepak bagi anak-anak yang berumur barangkali 7 tahun ke atas?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, banyak rancangan ataupun program jangka panjang telah diambil untuk mempertingkatkan kekuatan pasukan bola sepak kita. Ini termasuk apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi kita tidak sebutkan badan ini sebagai satu institusi tetapi sebagai akademi bola sepak negeri-negeri. Kita mempunyai akademi bola sepak di negeri-negeri

masing-masing supaya pemain-pemain di antara umur 12 hingga 16 tahun mereka dimasukkan ke akademi-akademi bola sepak ini. Semua pemain ini ditempatkan di bawah satu bumbung untuk menjalani latihan sepanjang tahun di bawah jurulatih yang bertauliah dan yang berkeelayakan. Persatuan membiayai segala perbelanjaan atas pemain-pemain yang muda ini termasuk makan, penginapan, persekolahan dan latihan. Ini satu program jangka panjang yang agresif sekali supaya kita dapat membina semula kekuatan negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kemajuan dan kemerosotan mutu bola sepak kita banyak bergantung kepada FAM. Dari kacamata pandangan rakyat bawahan dan peminat bola sepak, kedudukan FAM dan persatuan-persatuan bola sepak negeri-negeri dipimpin oleh kebanyakannya pemimpin-pemimpin politik yang tidak berapa profesional dalam bidang kesukanan bola sepak. Apakah pemikiran dan rancangan kementerian melalui Akta Sukan yang kita lulus baru-baru ini, satu pendekatan baru contohnya kita menubuhkan kelab dengan tidak mengirakan ras, bangsa, lokasi, negeri dan sebagainya sebagaimana yang telah berjaya di negara-negara luar. Sebagai contohnya kita ada 'Kelab Abu Bakar Daud', 'Kelab Samy Vellu' dan sebagainya. *[Ketawa]*

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, 'Kelab Vellu' itu politician. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih. Sebenarnya ini isu sensitif sedikit. Kalau Yang Berhormat berkenaan bersetuju bukan sahaja pemimpin-pemimpin persatuan bola sepak termasuk persatuan sukan lain dipimpin oleh ahli-ahli politik, kadang-kadang mereka baik, kadang-kadang tidak baik. Juga ada yang dipimpin oleh orang yang bukan politik termasuk keluarga Diraja juga ada, tidak payah disebut. Kementerian Belia dan Sukan selalu berpegang kepada pandangan bahawa kita tidak peduli sesiapa yang memimpin persatuan sukan. Tetapi kita minta siapa yang memimpin persatuan sukan itu kena menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh. Sekiranya mereka memegang sesuatu jawatan dan tidak menjalankan tugas, apabila ada masalah mereka lari daripada tanggungjawab, ini akan mengakibatkan kemelesetan sukan yang berkenaan, termasuk ahli politikkah, termasuk siapa-siapa juga. Jadi, sekiranya mereka tidak ada masa ataupun tidak ingin buang masa, tidak ingin bersungguh-sungguh memimpin persatuan itu letaklah jawatan dan beri kepada orang lain. Ini tidak adil kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana kita kena jawab soalan dalam Dewan yang mulia ini dan juga di lain tempat.

Sebelum Akta Pembangunan Sukan diluluskan di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara, Menteri Belia dan Sukan tidak mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa. Tetapi akauntabiliti tidak tahu, kita kena bertanggungjawab, tetapi kita boleh membuat apa-apa, kita cuma memberi nasihat kepada persatuan yang berkenaan supaya jangan buat ini dan jangan buat itu. Sekarang ini daripada Akta Pembangunan Sukan ini, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang meluluskan akta ini, kita boleh mengambil tindakan yang keras atas mana-mana persatuan termasuk persatuan bola sepak sekiranya mereka tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah dalaman mereka sendiri, termasuk disiplin pemain, termasuk efisiensi pentadbiran persatuan peringkat negara, negeri dan juga daerah. Kita tidak akan bertolak ansur supaya sukan kita akan memberi nama baik kepada negara apabila kita hantar pasukan keluar negara.

**BEKALAN AIR DI SELURUH NEGARA - JUMLAH TAKUNGAN/
TADAHAN AIR MENGIKUT NEGERI**

10. **Tuan Haji Hassan bin Ali** minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah takungan/tadahan air untuk keperluan bekalan air di seluruh negara dan pecahan mengikut negeri-negeri dan cadangan tambahan takungan/tadahan yang akan diadakan/dibina memandangkan keperluan akan datang dan masalah pencemaran.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini sebanyak 46 empangan/takungan telah dibina di kawasan tadahan untuk keperluan air di seluruh negara. Pecahan bilangan empangan adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan Empangan
Melaka -	3
Pulau Pinang -	2
Selangor -	7
Johor -	11
N. Sembilan -	3
Labuan -	3
Kedah -	5
Terengganu -	3
Sarawak -	2
Perak -	2
Sabah -	2
Perlis -	2

Pahang - 2

Jumlah: 46

Adalah dijangkakan sebanyak 7 empangan lagi akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

**PEMBANGUNAN GENERASI MASA DEPAN -
PELAKSANAAN, MEKANISME KAWALAN DAN PENYELIAAN**

11. **Puan Habsah binti Haji Osman** minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini sejauh manakah kerajaan memberi penekanan terhadap pembangunan generasi masa depan dan jika ada apakah aspek-aspek yang telah dilaksanakan dan apakah agensi yang telah digunapakai dan apakah mekanisme kawalan dan penyeliaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memberi penekanan terhadap pembangunan industri masa depan dengan tujuan untuk melahirkan suatu generasi yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, sihat, mempunyai akhlak yang baik, bertoleransi, budaya saing, berdisiplin, mempunyai sikap kerja yang tinggi dan nilai-nilai kepimpinan yang unggul dan matang serta maju dalam bidang sains dan teknologi. Dalam usaha membentuk generasi seperti ini banyak program telah dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.

Program-program yang dilaksanakan termasuklah program pendidikan, latihan kemahiran, latihan perdagangan, program penggalakan dan pembangunan keusahawanan, program latihan kepimpinan, gaya hidup sihat, sukan, program pembangunan keluarga dan program Rakan Muda, program kebudayaan, gerakan membaca serta program pencegahan dan pemulihan. Mekanisme kawalan dan penyeliaan dilaksanakan melalui pelaksanaan dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu.

Di samping itu, kerajaan membuat penyeliaan dan pemantauan melalui majlis dan jawatankuasa seperti Majlis Pendidikan Negara, Majlis Belia Negara, Pembangunan Tenaga Manusia, Jawatankuasa Kabinet mengenai Latihan, Jawatankuasa Kabinet bagi Membanteras Masalah Sosial serta Jawatankuasa Dadah di Peringkat Kementerian dan mungkin di jabatan kerajaan negeri dan daerah.

Dalam hubungan ini, kerajaan juga membantu badan-badan sukarela dalam NGO serta bekerjasama dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Kumpulan Wang Darurat Kanak-kanak

Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICARE) dan Dana Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR).

SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN - PERUNTUKAN

12. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian sedar ramai murid bumiputera menuntut di sekolah rendah Cina di Sarawak, khususnya di luar bandar. Sebenarnya di beberapa buah sekolah, majoritinya adalah kaum bumiputera. Dalam pemberian modal demi pembangunan fizikal adakah sekolah-sekolah diberi keistimewaan. Adakah pemberian modal ini serupa dengan sekolah rendah bantuan (dahulunya sekolah rendah mubaligh) di mana kadang-kadang pemberian modal adalah sebanyak 75%.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan peruntukan bagi sesebuah sekolah untuk pembangunan fizikal dan sebagainya, kriteria yang digunakan bukanlah berdasarkan jenis pelajar dari segi kaum, tetapi dari segi jenis sekolah tersebut. Sekolah bantuan kerajaan adalah sekolah yang bangunan dan tanahnya atau tapak sekolah bukan dimiliki oleh kerajaan, sebaliknya dimiliki oleh pihak-pihak lain seperti para mubaligh, pihak pengurusan ladang, tanah wakaf orang perseorangan, lembaga atau tapak milikan kerajaan negeri.

Sekolah-sekolah jenis ini termasuk sekolah-sekolah mubaligh (mission schools) dan sebahagian sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Sesuatu bantuan kewangan daripada pihak kementerian ke atas sekolah-sekolah tersebut adalah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan mengikut keperluan sekolah tersebut.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian berhasrat untuk mengenakan sebarang kuota kepada pelajar-pelajar bukan daripada masyarakat Cina untuk memasuki sekolah Cina, dan jika ada apakah sebabnya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, perlembagaan negara kita adalah jelas, iaitu dari segi pendidikan kita harus menghormati dan mengikut keperluan atau pilihan ibu bapa atau pelajar sendiri. Justeru itu, tidak ada sebarang halangan atau tidak ada sebarang gesaan untuk memaksakan atau menghalang ibu bapa yang ingin hantar anak-anak mereka kepada mana-mana sekolah. Ini adalah jelas dan kita harus terus mengikut dan menghormati pilihan atau keperluan pihak ibu bapa atau pelajar sendiri.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian memperluaskan skim bantuan pinjaman buku kepada semua sekolah sama ada sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah rendah kebangsaan atau sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan pada seluruhnya. Ini adalah memandangkan bahawa mulai tahun ini didapati harga buku dan peralatan telah

melambung naik berikutan dengan kejatuhan nilai mata wang negara. Masalah ini telah membebankan para ibu bapa keseluruhannya terutama bagi mereka yang mempunyai anak ramai. Saya dapati setakat ini skim bantuan pinjaman buku-buku di sekolah jenis kebangsaan adalah terhad dan tidak mencukupi.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Skim Pinjaman Buku Teks kepada pelajar-pelajar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan adalah mengikut keperluan atau latar belakang ibu bapa. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada kes-kes di mana yang beliau rasa Kementerian Pendidikan harus memberi pertolongan yang belum mendapat pertolongan, kita boleh timbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan Nombor 13.

SUKAN WANITA

13. Puan Kamalia binti Ibrahim [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan peranan wanita dalam pelbagai jenis sukan terutama sukan yang dikuasai oleh wanita. Jika ada, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan sukan wanita setiap dua tahun sekali.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Pembangunan Sukan Negara melalui konsep Sukan Untuk Semua, kerajaan telah pun memulau langkah-langkah positif dan telah meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam program sukan, rekreasi dan kecergasan. Buat pertama kali dalam tahun ini konvensyen wanita dan sukan peringkat kebangsaan telah dapat diadakan tidak lama lagi, di antara

resolusi yang telah dicapai adalah untuk mengadakan karnival sukan khusus untuk kaum wanita sahaja.

Walau bagaimanapun, program-program pendidikan mengenai kepentingan gaya hidup aktif dan faedah bersukan akan diberi keutamaan supaya kaum wanita lebih sedar dan mengubah pandangan mengenai kepentingan sukan. Satu program karnival sukan untuk wanita telah pun dirancang dan akan dilaksanakan mulai tahun depan, insya-Allah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan khidmat jurulatih wanita bagi ahli-ahli sukan wanita supaya untuk mengelak dari berlakunya perkara seperti yang berlaku sekarang ini, belum selesai lagi di mahkamah?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau Kementerian Belia dan Sukan dan juga persatuan-persatuan sukan yang berkenaan dapat mencari jurulatih wanita untuk melatih pemain atau atlet wanita, Kementerian Belia dan Sukan memang mengalu-alukan mereka, tetapi nampaknya pemain wanita pun tidak mencukupi di dalam negara kita ini dan kalau kita hendak membawa masuk jurulatih wanita dari luar negeri dan tidak menggunakan jurulatih lelaki yang ada dalam negara kita ini, kemungkinan kita akan membelanjakan banyak wang dan ini tidak menguntungkan negara. Tetapi walau bagaimanapun, kalau adalah kita memang menyokong dan mengalu-alukan penggunaan jurulatih wanita untuk sukan wanita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan Nombor 14.

**KEJATUHAN NILAI RINGGIT - MASALAH
KEWANGAN PELAJAR LUAR NEGARA**

14. **Tuan Tan Ek Huat [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kerajaan akan mengambil langkah untuk membantu pelajar-pelajar kita yang mengikuti kursus di universiti luar negeri yang menghadapi masalah kewangan kerana harga tukaran wang ringgit jatuh teruk, terutamanya pelajar-pelajar di United Kingdom dan Amerika Syarikat di mana jikalau bantuan kewangan tidak disediakan, sebilangan pelajar-pelajar tidak dapat meneruskan pelajaran mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kesan kelemahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia adalah menyeluruh dan akan melibatkan penambahan jumlah kos bukan sahaja kepada penaja dan penganjur pelajar-pelajar ke luar negara tetapi juga kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka untuk belajar di luar negara. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan pelajar dan akan mengawal keadaan ini dari masa ke semasa, walaupun memang sukar untuk pihak kerajaan unatuk menanggung kos tambahan yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa yang terlibat.

Sementara itu adalah juga dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara dengan menggalakkan pertumbuhan universiti-universiti swasta dan meningkatkan enrolment dalam universiti tempatan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah kerajaan membuat keputusan untuk menggesa universiti-universiti tempatan supaya memberikan peluang untuk difrancaiskan kursus-kursus kepada institusi-institusi pengajian tinggi swasta ataupun buat sistem pembelajaran yang berkembar 'twinning'. Saya difahamkan sekarang ini 'twinning' hanya dibuat dengan institusi di luar negara tetapi memandangkan kos hendak membangunkan sesebuah universiti amat tinggi, elok rasa saya kalau sekiranya pihak kerajaan memberikan keputusan untuk memperluaskan lagi kegiatan pengajian berkembar ini kepada institusi yang sedia ada sekarang ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan atau Kementerian Pendidikan sudah berbuat seperti itu, kita telah meluluskan beberapa cadangan untuk universiti tempatan untuk menggalakkan kolej-kolej swasta menjalankan program untuk ijazah universiti tersebut melalui sistem francais dan kita juga akan galakkan supaya universiti-universiti tempatan menjalankan program-program berkembar dengan kolej-kolej swasta untuk memperluaskan peluang untuk anak-anak kita.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagai langkah sementara, adakah kerajaan bercadang untuk memberi peluang kepada penuntut-penuntut kita yang tidak dapat menyambung pelajaran di luar negeri disebabkan oleh mata wang sudah meningkat supaya mereka boleh menyambung di dalam universiti tempatan jika ada tempat kosong.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah mula berbincang dengan universiti-universiti tempatan supaya mereka boleh memberi sedikit pertolongan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak boleh keluar negara sekarang untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Namun demikian, oleh kerana tempat-tempat di universiti tempatan adalah terhad, Kementerian Pendidikan juga sedar tentang sejauh mana mereka boleh menolong. Jadi, dari segi ini, Kementerian Pendidikan akan terus bukan sahaja berbincang dengan universiti-universiti tempatan tetapi juga dengan kolej-kolej swasta supaya mereka boleh memperluaskan program-program mereka untuk memberi lebih banyak tempat kepada pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 47 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[17 Disember 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

3.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Charern Intachat, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu dan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah mencadangkan agar kerajaan menimbangkan pelepasan cukai ke atas anak yang menuntut di luar negara. Saya ingin menegaskan bahawa pelepasan cukai dua kali pelepasan biasa di atas anak yang belajar di IPT di luar negara telah ditarik balik bagi menggalakkan ibu bapa memasukkan anak-anak mereka di IPT tempatan.

Justeru itu, dengan bertambahnya bilangan pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di IPT tempatan, ia akan menggalakkan penubuhan dan perkembangan IPT tempatan yang berkualiti.

Untuk makluman, latar belakang pelepasan untuk anak-anak yang menuntut di luar negara, potongan empat kali diberi kepada individu berhubung dengan anak yang memulakan pendidikan lanjutan di luar negara sehingga asas 1993 atau sebelum 1 Januari 1994. Mulai tahun taksiran 1994 juga, pelepasan yang sama iaitu empat kali ganda diperkenalkan kepada anak-anak yang menuntut di IPT dalam negeri, di samping itu potongan empat kali pelepasan biasa bagi anak-anak yang menuntut di luar negeri dikurangkan

kepada dua kali pelepasan biasa dan pada 1 Januari 1994 hingga 16 Oktober 1997.

Yang Berhormat Tuan Charern Intachat telah menyatakan mengenai Akta Cukai Jualan 1992 pindaan seksyen 14. Seksyen 14 kepada akta itu dipinda adalah bertujuan untuk memberi pilihan kepada pengilang kecil, perolehan tahunannya adalah kurang dari RM100,000 untuk dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1992. Dengan adanya kemudahan ini pengilang tersebut boleh mendapat bahan mentah atau komponen input kepada keluaran siapnya bebas dari cukai jualan dan ini akan memberi layanan sama dengan pengilang besar yang perolehan tahunan melebihi RM100,000.

Saya sangat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Tuan Charern Intachat kelmarin mengenai kemasukan dikenakan cukai ataupun selepas produk hendak dihantar dikenakan cukai dan di dalam perbincangan kita dengan pihak swasta terutamanya pengilang-pengilang kecil, mereka memerlukan supaya mereka tidak memberi upfront dahulu tetapi mengenakan cukai selepas produk itu disediakan.

Pelaksanaan sistem Penilaian Kastam (GATTS) di bawah perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang dicadangkan dilaksanakan pada 1 Januari 1998 ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan diputuskan kelak. Saya juga bersetuju dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Charern Intachat bahawa kita hendak sebagai pegawai kastam betul-betul mengetahui apa yang hendak kita kenakan cukai kerana selepas itu WTO, kita tidak boleh lagi membuat upliftment kepada cukai itu dan ini perlukan 'post-

imputation audit' dan ini saya rasakan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Charern Intachat memerlukan banyak latihan kepada pegawai-pegawai kastam kita, kalau tidak nanti kita punya revenue atau hasil akan merosot. VAT sedang dalam kajian Kementerian Kewangan dan tarikh pelaksanaannya belum ditetapkan lagi sehingga kini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman meminta supaya tahap mekanisme pelepasan cukai RM20,000 ditingkatkan bagi derma kepada mana-mana kemudahan penjagaan kesihatan yang diluluskan. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan berpendapat bahawa tahap maksimum pelepasan cukai adalah memadai untuk membolehkan seseorang individu membuat sumbangan bagi tujuan kemudahan penjagaan kesihatan.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim mencadangkan supaya tempoh lima tahun bagi rebat sebanyak RM400 yang diberi kepada individu ke atas pembelian komputer dimansuhkan disebabkan perubahan komputer adalah terlalu pantas dan kutipan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dibuat pada masa bayaran duti setem ke atas perjanjian jual beli berhubung dengan penjualan harta tanah bagi menyelesaikan masalah kelewatan dalam proses pungutan CKHT. Rebate sebanyak RM400 diberi kepada individu ke atas pembelian komputer peribadi adalah untuk meningkatkan kecerdikan komputer di kalangan isi rumah, di peringkat ini kerajaan ingin membantu setiap keluarga untuk memiliki sebuah komputer dengan menyediakan rebat untuk tempoh lima tahun sekali untuk meningkatkan penggunaan komputer di kalangan rakyat Malaysia. Pemansuhan lima tahun tidak dapat diper-timbangkan kerana ia

memberi implikasi hasil yang begitu besar. Pungutan CKHT tidak dapat dibuat semasa pembayaran duti setem ke atas suratcara perjanjian jual beli, ini kerana proses untuk menafsir CKHT memerlukan beberapa maklumat iaitu suratcara perjanjian jual beli yang disetamkan bagi menentukan tarikh dan harga jualan serta tarikh dan harga belian hartanah yang hendak dilupuskan. Laporan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bagi menentukan nilai pasaran harta tanah berkenaan serta resit-resit bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang dituntut dalam menentukan keuntungan yang akan dikenakan CKHT. Pada lazimnya jika semua dokumen tersebut dapat diperolehi dengan cepat, perkhidmatan proses pungutan CKHT dapat dielakkan.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah mencadangkan supaya penderma yang menyumbangkan komputer kepada sekolah-sekolah diberi pelepasan cukai. Adalah dimaklumkan bahawa sumbangan syarikat kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan yang diluluskan di dalam bidang kesihatan, pendidikan, perumahan dan infrastruktur adalah dilepaskan cukai.

Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng telah mengatakan bahawa komputer-komputer supaya diadakan dan diberi kepada sekolah-sekolah luar bandar dan bandar dan kita sekarang ini sedang menyemak terutamanya sekolah-sekolah luar bandar di mana tidak ada kuasa elektrik dan kerajaan sedang memberi generator kepada sekolah-sekolah berkenaan supaya dapat komputer ini dibekalkan. Mengenai kenaikan harga sayur-sayuran yang begitu tinggi, kerajaan ada memperuntukkan apa yang dikatakan 'fund for food' iaitu dana

untuk makanan dan dana ini akan ditambah apabila tidak mencukupi. Pekerja asing yang tidak mahir, kita telah pun menutup pintu untuk mereka ini, apa yang perlu sekarang ini ialah mobilisation of labour, dengan izin, supaya dapat kita mengagihkan tenaga kerja daripada satu sektor ke satu sektor yang lain.

Selain daripada itu, pekerja-pekerja mahir usaha yang telah dijalankan dan yang akan dijalankan terus ialah untuk memberitahu kepada embassy kita di luar negara supaya dapat memujuk dan memanggil balik profesional kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERTUKARAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 1997 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Akta Bil Pertukaran 1949 iaitu Akta 204 merupakan perundangan yang tunggal di Malaysia yang memperuntukkan rangkaian undang-undang mengenai instrumen-instrumen boleh niaga seperti bil pertukaran, cek dan nota janji. Selain dari itu, akta ini adalah juga rangka perundangan asas bagi urusan bank dan sistem pembayaran di Malaysia. Maka selaras dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem penjelasan cek dan urusan bank, peruntukan-peruntukan Akta Bil Pertukaran 1949 perlulah diubahsuai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bank Negara Malaysia sedang dalam proses memperkenalkan penggunaan Sistem Emerging sebagai satu cara mempertingkatkan lagi perkhidmatan sistem penjelasan cek nasional.

Tujuan sistem ini diperkenalkan adalah bagi mempercepatkan proses penjelasan cek antara bank-bank perdagangan di Malaysia. Dengan adanya Sistem Emerging ini ianya akan memberi kemudahan penjelasan pada hari yang sama bagi cek-cek tempatan, memendekkan tempoh pegangan cek luar kepada tempoh maksimum sehingga lima hari bekerja dan mengurangkan kes dan kaedah pengendalian di samping mengehendkan pergerakan fizikal cek.

Menerusi kaedah emerging, bank penerima akan memproses dan merakamkan imej semua cek yang didepositkan dan seterusnya imej cek yang

berkenaan akan disalurkan kepada bank-bank pembayar menerusi jaringan elektronik. Sehubungan dengan itu, pindaan Akta Bil Pertukaran adalah perlu supaya membolehkan pengemukaan cek melalui kaedah emerging diterima sebagai satu kaedah pengemukaan atau (presentment) di bawah akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kedua mengenai pindaan kepada akta adalah berhubung dengan isu cek berpaling akaun penerima. Pindaan yang dicadangkan ini memperuntukkan bahawa cek berpaling akaun penerima tidak boleh dipindah milik. Ia akan menyelesaikan konflik dalam keputusan-keputusan mahkamah yang bertentangan mengenai implikasi cek berpaling akaun penerima. Memandangkan bahawa keseragaman dalam undang-undang perdagangan instrument boleh niaga adalah penting, maka cadangan ini adalah bertujuan untuk seragamkan perundangan dengan negara-negara yang lain.

Salah satu lagi cadangan pindaan adalah berhubung dengan isu tandatangan palsu atau tandatangan yang telah diperbuat tanpa kuasa kepada cek. Suatu bank yang membuat bayaran atas satu cek yang mengandungi tandatangan palsu adalah bertanggung jawab sepenuhnya bagi kerugian yang ditanggung oleh pelanggannya. Ini adalah berdasarkan prinsip bahawa bank tersebut tidak mempunyai mandat secara nyata atau tersirat untuk membuat bayaran tersebut. Prinsip undang-undang di Malaysia dalam hal ini adalah berdasarkan kepada Common Law, seseorang pelanggan hanya mempunyai dua kewajipan kepada banknya iaitu:

- (i) ditegah daripada menulis ceknya dengan cara yang memudahkan penipuan atau pemalsuan; dan

- (ii) memaklumkan kepada banknya tentang apa-apa pemalsuan cek dari akaunnya dengan seberapa segera setelah ia mengetahui mengenai pemalsuan tersebut.

Berdasarkan prinsip di atas, pelanggan bank tidak mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah berhati-hati dalam pengurusan am perniagaannya untuk mencegah pemalsuan oleh kakitangannya. Seorang pelanggan juga, tidak mempunyai kewajiban untuk memeriksa penyata bulanan bank untuk memastikan bahawa akaunnya dikendalikan secara wajar dan patut.

Dalam menentukan liabiliti bank dalam hal ini, fakta bahawa pelanggan tersebut telah bertindak secara cuai sehingga memudahkan pemalsuan tersebut adalah tidak material. Bank Negara Malaysia berpendapat, bahawa risiko yang harus ditanggung oleh suatu bank semasa membuat pembayaran atas sesuatu cek yang mengandungi tandatangan palsu atau yang telah diperbuat tanpa kuasa perlulah dibataskan. Batasan yang dicadangkan berbangkit dalam keadaan di mana tandatangan palsu atau yang telah diperbuat tanpa kuasa tersebut berpunca daripada kecuaiian atau tindakan pelanggan yang disengajakan iaitu dengan tujuan untuk memudahkan pemalsuan tandatangan atau pembuatan tandatangan tersebut tanpa kuasanya.

Bank Negara Malaysia mendapati bahawa Uniform Commercial Code (UCC) di Amerika Syarikat mempunyai peruntukan yang menghalang seseorang daripada menidakkan kesahan cek tersebut sekiranya pindaan secara material terhadap cek atau tandatangannya telah dibuat tanpa kuasanya akibat

daripada kecuaiannya sendiri. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan supaya pindaan yang menyerupai peruntukan UCC tersebut dibuat kepada akta.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah perlu untuk:-

- (i) memastikan pelaksanaan sistem penjelasan imej cek kebangsaan di mana pengemuka cek dibuat melalui sistem imej;
- (ii) menyeragamkan undang-undang dan menjelaskan apa-apa konflik berkenaan cek yang dipalang akaun penerima dengan memperuntukkan bahawa cek yang dipalang akaun penerima tidak boleh dipindahmilik; dan
- (iii) membataskan liabiliti bank pembayar dalam hal cek yang mengandungi tandatangan palsu atau yang diperbuat tanpa kuasa sekiranya tuan punya cek itu sendiri dengan sengaja telah bertindak secara cuai dan mempermudah-mudahkan pembuatan tandatangan palsu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa pindaan utama yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan baru seksyen 73A. Peruntukan baru ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan liabiliti bank pembayar dalam hal cek yang mengandungi tandatangan palsu atau yang diperbuat tanpa kuasa.

Sekiranya tandatangan palsu atau yang diperbuat tanpa kuasa adalah berpunca daripada kecuaiian atau tindakan yang disengajakan sehingga memudahkan pemalsuan atau tandatangan tersebut dibuat tanpa kuasa, maka tandatangan tersebut akan disifatkan sebagai tandatangan orang yang cuai tersebut.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan baru seksyen 74A. Di bawah peruntukan ini akta mengiktiraf dan membolehkan pengemukaan cek dibuat melalui sistem imej.

Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda seksyen 80 Akta untuk menjelaskan bahawa perlindungan kepada bank pembayar yang diperuntukkan dalam seksyen tersebut adalah juga terpakai kepada pembayaran cek yang tidak boleh dipindahmilik sama ada di bawah seksyen baru 81A yang dicadangkan atau sebaliknya.

Fasal 5 bertujuan memperkenalkan peruntukan baru seksyen 81A, Subseksyen baru:-

- (i) menjelaskan bahawa cek yang dipalang akaun penerima tidak boleh dipindahmilik;
- (ii) memperuntukan bahawa sesuatu bank tidak boleh dianggap cuai semata-mata kerana tidak mempedulikan mana-mana endorsement yang tertera di atas mana-mana cek yang tidak boleh dipindahmilik sama ada di bawah subseksyen baru (1) atau sebaliknya.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 85 untuk menjelaskan bahawa perlindungan kepada bank pemungut yang diperuntukkan di bawah seksyen tersebut adalah juga terpakai kepada pemungutan cek-cek yang tidak boleh dipindahmilik sama ada di bawah Subseksyen 81A yang dicadangkan atau sebaliknya.

Sebagai kesimpulannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memastikan bahawa sistem pembayaran negara ini berkembang seiring dengan perkembangan teknologi dan meningkatkan efisiensi dalam sistem tersebut.

Pindaan-pindaan ini juga bertujuan untuk memberi sokongan perundangan terhadap amalan perbankan berhubungan dengan cek yang dipalng akaun penerima dan memberi perlindungan kepada bank pembayar daripada menanggung liabiliti akibat daripada kecuaiian atau suatu tindakan yang disengajakan oleh pemunya tandatangan yang memudahkan tandatangannya dipalsukan atau diperbuat tanpa kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim.

3.58 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memberikan perseimbangan perkembangan di antara bank dengan perkembangan teknologi semasa. Kita mengucapkan tahniah dalam proses penjelasan cek melalui emerging dan kita juga berterima kasih kepada keprihatinan pihak kementerian tentang penggunaan cek dan liabiliti bank.

Walau bagaimanapun, pada hemat saya apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai duti ataupun liabiliti bank itu yang kini dengan pindaan bagi cek-cek yang mungkin timbul pemalsuan hendaklah diketepikan dan kecuaiannya jika ada, adalah sekarang berpindah kepada tuan punya cek. Kalau apa yang kita faham dari institusi bank antara lain ialah ianya untuk kita mendapatkan khidmat penjagaan wang dan juga khidmat untuk dapat kita memberi keselamatan dan sekuriti kepada wang kita.

Jadi, apa yang saya dapat faham dari tujuan untuk mengadakan pindaan ini, kita akan dengan secara tidak langsung memberikan nilai cek itu seolah-olah sama nilai dengan cash, ini bermakna kalau cek itu didapati hilang ataupun dipalsukan tandatangan, maka ianya adalah akan dengan mudahnya didapati cash daripada pihak bank, walaupun di sini dikatakan kalau didapati kecuaiannya daripada pihak pemunya cek. Tetapi masalah yang timbul ialah ianya hanya hendak dibuktikan setelah wang itu dikeluarkan.

Jadi, di sini kita agak kurang pasti apakah perkhidmatan yang diberi oleh bank, kalau pihak bank dikatakan akan berkembang dan membangun mengikut teknologi yang ada, tidakkah pihak bank sebenarnya dapat memastikan bahawa cek yang akan ditunaikan itu sebenar-benarnya tidak mempunyai elemen-elemen pemalsuan daripada kita memindahkan tanggungjawab itu kepada pihak pemegang cek. Jadi, di situ kita dapat lihat, mungkin saya melihatnya dari pandangan kasar bahawa mandat yang kita beri kepada bank itu sudah tidak ada lagi wujud sebagai mandat untuk menjaga kepentingan seorang pengguna atau pelanggan bank dan bermaknalah juga bahawa cek itu kita perlu memastikan bahawa ianya tidak lagi sepertimana kita beranggapan bahawa cek itu lebih selamat daripada kita menyimpan cash. Mungkin kita hendak mengambil contoh ataupun mengambil precedent daripada apa yang dilaksanakan di Amerika, tetapi pada pandangan saya perkara ini adalah perkara yang masih boleh didebatkan dan mungkin ini juga pada pandangan pengguna tidak lagi memberikan satu jenis khidmat ataupun jenis aspektasi kita kepada perkhidmatan daripada pihak bank.

Mungkin pihak kementerian dapat memberikan penjelasan yang lebih kerana kalau saya lihat dari kes-kes yang saya telah cuba dapatkan, memang ianya adalah merupakan satu peruntukan undang-undang atau penetapan undang-undang yang telah banyak dibuat dalam banyak-banyak kes bahawa biasanya bila berlaku pemalsuan liabiliti adalah terletak dengan pihak bank dan kalau daripada apa yang telah dibicarakan dan juga argument, dengan izin, yang dibentangkan dalam perbicaraan oleh pihak hakim adalah lebih logik

bahawa sepatutnya liabiliti itu masih terletak kepada pihak bank kerana banklah yang merupakan pihak yang pertama, yang melihat kepada cek itu sama ada ianya palsu ataupun tidak dan tadi juga pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga telah menyebut tentang tanggungjawab tuan punya akaun untuk memastikan statement of account, dengan izin, juga adalah dalam keadaan yang sepatutnya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, ini juga pada hemat saya bila kita menggunakan perkhidmatan bank sepatutnya ianya juga merupakan satu khidmat daripada pihak bank. Saya rasa mungkin ramai di antara pengguna juga tidak akan menjadi satu masalah untuk membayar lebih jikalau mereka mendapat dapat perkhidmatan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin, mungkin pihak kementerian dapat memberi penjelasan ialah mengenai perkataan 'Account Payee' apa yang disebut di bawah subseksyen (2) yang juga ianya tidak akan menjadikan satu liabiliti kepada pihak bank jika ianya tidak mepedulikan apa-apa peng'endorse'an kepada mana-mana cek yang tidak boleh dipindah milik. Ini juga saya merasakan merupakan satu daripada bebanan kepada pihak pengguna kerana biasanya bila kita memangkah sesuatu cek itu, kita beranggapan bahawa pihak bank mempunyai tanggungjawab untuk dapat memastikan bahawa ianya dapat dilaksanakan sepertimana maksud untuk ianya dipangkah sebagai 'Account Payee'.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah perkara-perkara yang saya rasa saya mempunyai pandangan yang berbeza dan mungkin kerana kita ini tidak ada pilihan tetapi menyokong rang undang-undang yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat mungkin perkara ini dapat diberi pertimbangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

4.05 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 1997.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah berusaha untuk mengemaskinikan ataupun meng‘improve’ sistem perbankan kita dengan membawa ianya ke arah elektronik di mana ianya akan juga menggunakan sistem imej untuk mempercepatkan kerja-kerja perbankan seperti apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit di sini mempercepatkan proses perbankan itu adalah baik kerana banyak pihak yang berurusan niaga perlukan masa tetapi yang paling penting selain dari ini ialah keselamatan cek itu kerana dari apa yang saya baca dari rang undang-undang ini ianya lebih mementingkan kepada kepentingan bank dari kepentingan yang mempunyai cek dan ianya juga sekali gus memberi peluang kepada orang-orang yang hendak membuat penipuan.

Walau bagaimanapun, sama juga seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia, kita terpaksa menyokong rang undang-undang ini tetapi ianya haruslah diperbaiki lagi memandangkan ianya membuka peluang untuk orang menipu. Sebagai contoh kita lihat kepada Fasal 2 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73A di mana perkataan yang menyebut tandatangan yang telah dipalsukan dianggap sebagai tandatangan orang yang mempunyai cek jikalau orang yang mempunyai cek itu sengaja dan cuai dalam menyimpan dan penggunaan cek itu. Di sinilah masalahnya bagaimana kita mengetahui sama ada pengguna cek itu cuai dan sengaja. Kalau cek saya, memang saya simpan cek itu dengan baik, tiada orang yang hendak menyimpan cek itu sewenang-senangnyanya supaya ianya mudah dicuri dan dipalsukan. Jadi, di sinilah tempat yang silap yang saya fikir kerana ianya boleh memberi peluang kepada pihak yang hendak menipu.

Begitu juga dengan perkataan, *who, in good faith, pays the cheque*, dengan izin, iaitu proviso ini sangat menyebelah pihak bank, bagaimana cara kita hendak mengatakan pegawai yang menjalankan tugas itu benar-benar dengan *good faith*, sebagai contoh syarikat saya pernah terlibat di mana seorang pemandu telah mencuri tiga lembar cek daripada syarikat di mana beliau telah memalsukan cek ini. Bayangkan seorang pemandu ketua jabatan itu, kepercayaan di antara pemandu dengan ketua itu selalunya rapat, orang ini selalunya dipercayai. Tetapi dengan mudah si pemandu ini apabila disuruh ambil beg dalam pejabat terus mengambil peluang mencuri tiga lembar cek, dia tidak ambil yang atas ataupun yang bawah, yang tengah-tengah. Kemudian

apabila cek itu sudah dikeluarkan, dipalsukan, cash cheque dipalsukan kemudian disuruh orang lain ambil, tiga cek, dua keping RM4,000 dan satu RM5,000 berjumlah RM11,000. Jadi digunakan, disuruhnya orang lain mengeluarkan cek tersebut. Apabila sampai ke bank, pihak bank dengan senang hati mengeluarkan cek tersebut. Apabila diketahui oleh siempunya cek itu bahawa cek beliau sudah hilang, beliau pun melaporkan kepada bank dan seterusnya kepada polis.

Jadi, perkara itu pada masa ini adalah dalam jagaan polis, tetapi apa yang saya ingin ketengahkan di sini mengapa pihak bank semudah itu mengeluarkan cek tersebut tanpa meminta sekurang-kurangnya kad pengenalan. Pihak bank telah ditanya mengapa wang sejumlah itu boleh dikeluarkan tanpa mendapat kad pengenalan orang yang mengeluarkan cek, kata bank tersebut, sistem amalan mereka cek yang di bawah RM5,000 tidak perlu kad pengenalan, pada hal setengah-setengah bank walaupun mengeluarkan RM100, cek yang kita bawa sendiri pun dikehendaki mengeluarkan kad pengenalan.

Jadi, di sini ada ketidakseragaman dalam amalan pihak-pihak bank. Ini adalah sebagai contoh yang mana ada kaitannya dengan peruntukan yang sedang kita bincangkan pada masa ini. Jadi, saya takut nanti ada pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan bukan sahaja pegawai dalam bank tetapi juga orang yang hendak menipu.

Sepertimana yang kita maklum, banyak penipuan dalam bank telah dibuat oleh orang dalaman. Dan dengan adanya kemudahan ini, saya takut dan

khuatir ianya akan menggalak penipuan di kalangan pegawai-pegawai bank yang bekerjasama dengan orang luar untuk menipu, bukan bank tetapi orang yang mempunyai cek. Sebagai contoh, yang menyedihkan seperti yang saya terangkan tadi apabila pihak bank diminta untuk mengganti rugi, pihak bank kata, ia tidak bertanggungjawab untuk mengganti rugi sebab amalan mereka setiap cek kurang dari RM5,000 boleh dikeluarkan tanpa pengeluaran kad pengenalan.

Jadi, di sini kalaulah sebuah bank itu rugi RM11,000 mungkin bank itu dapat lagi mampu bergerak kerana RM11,000 itu terlalu kecil amaunnya bagi bank, tetapi untuk orang/individu RM11,000 itu adalah terlalu besar dan begitu juga dengan syarikat-syarikat yang kecil terutama sekali syarikat bumiputera. Jadi, saya berharaplah kalau dapat perkara seperti ini harus dipertimbangkan apabila kita menggubal rang undang-undang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan yang lain yang mana saya rasa adalah wajar untuk membolehkan bank kita setanding dengan aliran zaman supaya ianya tidak ketinggalan masa. Tetapi ingin saya beri teguran di sini sambil kita ghairah untuk membaiki sistem bank kita, janganlah kita lupa tentang keselamatan dan bagi saya tiada tempat yang lebih selamat untuk saya menyimpan duit, wang selain daripada bank.

Jadi, jikalau bank sudah tidak ada bertanggungjawab atas keselamatan wang yang disimpan oleh pelanggan-pelanggannya, maka ini akan mengurangkan kepercayaan pihak pengguna ke atas pihak bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian sahaja yang dapat saya ucapkan untuk perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab Yang Berhormat.

4.14 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamalia dan Yang Berhormat Tuan Abdillah yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan rang undang-undang ini.

Pindaan ini bukanlah memindahkan tanggungjawab atau liabiliti daripada bank kepada pelanggan apabila berlaku pemalsuan tandatangan. Ini soalan yang paling penting. Sepertimana yang telah diterangkan tadi, bahawa pemindaan bertujuan untuk mengukuhkan sistem cek kita ini. Pada masa sekarang pihak bank bertanggungjawab penuh sekiranya ada tandatangan palsu, pihak pelanggan boleh melepaskan diri hanya dengan membuktikan tandatangan itu bukan miliknya. Ini merupakan satu ruang yang mesti diperbaiki kerana kegiatan pemalsuan tandatangan hanya boleh dielakkan dengan efektif dengan sokongan semua pihak. Jadi, kalau misalnya kita suruh budak pejabat ambil beg kita tanpa berkunci dan memberikan cek tanpa melihat, ini ialah kecuaiian pelanggan sendiri.

Pindaan ini tidak memindahkan tanggungjawab dan liabiliti daripada bank kepada pelanggan sekiranya ada pemalsuan tandatangan pihak bank masih bertanggungjawab terhadap wang yang dikeluarkan akibat daripada itu.

Cuma pindaan ini hanya mengarahkan pelanggan agar berhati-hati supaya tidak cuai atau dengan sengaja membiarkan tandatangannya dipalsukan. Oleh itu, pelanggan hanya menanggung kerugian apabila bank boleh membuktikan bahawa pelanggan itu cuai atau dengan sengaja membiarkan tandatangannya dipalsukan.

Mengenai penggalakan penggunaan cek sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, pindaan ini juga merupakan satu langkah menambah keyakinan orang ramai terhadap penggunaan cek yang secara tidak langsung menggalakkan penggunaan cek tersebut. Penggunaan tunai cek, kad kredit dan lain-lain cara pembayaran adalah bergantung kepada kesesuaian semasa dan keadaan kerana orang ramai akan menggunakan cara pembayaran yang paling cekap dalam situasi tersebut dan negara sekarang menuju ke arah penggunaan kad pintar sedikit masa lagi yang juga lebih cekap dan lebih efisien.

Mengenai interpretasi Fasal 5 subseksyen 61A (2) di mana bank tidak akan menanggung liabiliti jika ia tidak mengendahkan endorsasi di atas cek, subseksyen 2 kepada seksyen 61A hendaklah dibaca bersama dengan subseksyen 1 seksyen 61A. Apa yang dimaksudkan di bawah subseksyen 2 ini adalah pihak bank tidak akan dianggap sebagai cuai sekiranya ia tidak mengendahkan endorsement yang bertujuan untuk memindahmilikkan cek yang berkenaan kepada pihak lain. Inilah yang dimaksudkan sebagai cek yang dipalang 'account payee' tidak boleh dipindahmilik. Peruntukan ini tidak bermaksud untuk merujuk apa-apa endorsan lain yang akibatnya atau tiada

kaitan dengan pindah milik cek tersebut dan pindaan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang status akaun yang berpaling ‘account payee’. Dengan pindaan ini adalah jelas bahawa cek yang berpaling ‘account payee’ tidak boleh dipindah milik. Penjelasan ini hendaklah dialu-alukan oleh pengguna, ianya menamatkan apa-apa kekeliruan tentang cek ‘account payee’.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga mengatakan bahawa rang undang-undang ini tidak akan menekankan kepentingan pengguna tetapi lebih menekankan kepada kepentingan bank. Sememangnya diakui akta itu menekankan kepentingan pengguna. Walau bagaimanapun, pindaan yang telah dicadangkan tidaklah bermaksud untuk mengalihkan risiko pemalsuan tandatangan ke atas pengguna. Bank tetap mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang sepenuhnya untuk memastikan ketulenan tandatangan tuan punya akaun. Dalam hal sesuatu pemalsuan, tandatangan tuan punya akaun adalah menjadi tanggungjawab bank untuk menunjukkan bahawa tuan punya akaun yang secara sengaja atau telah cuai hingga menyebabkan tandatangannya dipalsukan. Dengan ini perkataan beban pembuktian masih terletak kepada pihak bank.

Mengenai perkataan cuai dan disengajakan yang telah ditimbulkan tadi, sepertimana yang telah dibincangkan, pindaan yang dicadang bertujuan untuk mengukuhkan sistem perbankan negara, berhubungan dengan cek, kita memerlukan sokongan semua pihak, sama ada pihak bank mahupun pelanggan. Pihak bank hendaklah mengukuhkan sistem dan prosedur keselamatan dalam penerimaan dan penunaian cek. Pihak pelanggan pula, hendaklah mengambil

peranan yang agak berhati-hati agar tidak cuai atau secara sengaja membiarkan tandatangan dipalsukan.

Yang Berhormat Tuan Abdillah juga telah menyatakan bahawa kepentingan bank berbanding dengan pelanggan. Sepertimana yang telah diterangkan, pindaan ini bertujuan untuk mengukuhkan dan memberikan keyakinan lebih kepada sistem cek kita. Cek tidak sama seperti wang ringgit kerana ianya bukan legal tender. Oleh itu, seseorang boleh menolak daripada menerima cek sekiranya ia tidak yakin. Keyakinan inilah yang ingin kita tingkatkan melalui pindaan ini. Setakat ini hampir semua tanggungjawab dipikul oleh pihak bank, ini kurang cekap kerana kita tahu buku cek berada di tangan pelanggan. Apa yang diharapkan ialah pelanggan juga memainkan peranannya untuk bersama-sama meningkatkan keyakinan umum terhadap cek. Pelanggan perlu berhati-hati agar tidak cuai atau sengaja membiarkan tandatangannya dipalsukan oleh orang lain atau dalam keadaan ini budak pejabat. Pindaan ini menguntungkan semua pihak kerana meningkatkan keyakinan umum terhadap sistem cek kita. Dari segi liabiliti ia masih dipikul oleh pihak bank kerana ia hanya dapat memindahkan liabiliti tersebut kepada pelanggan sepertimana yang saya katakan tadi, sekiranya dapat dibuktikan pelanggan itu adalah yang cuai dan sengaja membiarkan tandatangan dipalsukan dan ini bukanlah mudah.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya kepada perbahasan ini.
Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI LUAR PESISIR LABUAN 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

4.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia sekuriti di Labuan, penubuhan suatu kemudahan bagi menyenaraikan sekuriti itu pada satu bursa dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) sebuah agensi sehati yang bertanggungjawab untuk memajukan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) yang berwibawa agar selaras dengan arus pembangunan di lain-lain IOFC sedang berusaha memperkemaskan struktur perundangan di Labuan untuk menarik minat lebih ramai pelabur mengambil bahagian dalam kegiatan luar pesisir.

Dengan itu adalah difikirkan perlu untuk kerajaan menggubal satu rang undang-undang baru iaitu Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997 yang merupakan satu bentuk aktiviti luar pesisir yang membenarkan penubuhan pelbagai jenis dana dan syarikat pengurusannya serta penubuhan satu bursa luar pesisir untuk menyenaraikan dana tersebut.

Pada amnya tujuan penggubalan akta ini adalah seperti berikut:

- (a) Pada masa ini tidak terdapat undang-undang yang khusus untuk mengawalselia dana yang diterbitkan di Labuan. Apa-apa dana yang diterbitkan di Labuan adalah pada dasarnya tertakluk kepada beberapa seksyen sahaja di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang tidak berapa sesuai dengan suasana perniagaan luar pesisir.
- (b) Penggubalan akta ini adalah selaras dengan usaha LOFSA untuk menggalak serta memantapkan perkembangan industri sekuriti luar pesisir di Labuan IOFC. Adalah diharapkan dengan penggubalan akta ini pengurusan dan

penerbitan dana luar pesisir di Labuan akan berjalan dengan lebih teratur lagi.

- (c) Mana-mana dana yang diterbitkan di Labuan, akan disenaraikan di pusat-pusat IOFC yang terkemuka seperti Dublin, Luxemberg atau Bermuda kerana kemudahan penyenaiaan tidak terdapat di Labuan. Dengan adanya kemudahan penyenaiaan di Labuan, ia bukan sahaja berupaya menjadi pusat penerbitan malahan bersedia memberi perkhidmatan penyenaiaan yang setanding dengan pusat-pusat IOFC yang lain.
- (d) Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan mengandungi perkara-perkara berikut:-
 - (i) Peruntukan mengenai jenis dana yang akan dikawal selia di bawah akta. Membenarkan penerbitan dua jenis dana utama iaitu dana persendirian dan dana awam untuk dikehendaki berdaftar dengan LOFSA. Dana persendirian ialah satu dana yang ditawarkan kepada orang-orang tertentu dengan jumlah dana yang dilanggan adalah dikenal pasti. Dana awam ialah satu dana yang ditawarkan kepada orang awam dan tidak ditentukan jumlah dananya.

- (ii) Peruntukan mengenai pengurusan dan pentadbiran dana. Hanya membenarkan orang-orang yang dilesenkan oleh atau berdaftar dengan LOFSA boleh mengurus atau mentadbir dana yang didaftarkan di bawah akta. Bagaimanapun dalam keadaan tertentu, LOFSA boleh membenarkan pengurus dana yang berada di luar Labuan dan dilesenkan di negara yang diiktiraf untuk mengurus atau mentadbir dana yang diterbitkan di Labuan.
- (iii) Peruntukan mengenai akaun dan audit. Akta tersebut menghendaki supaya dana awam menyimpan rekod-rekod perakaunan dan menyediakan penyata kewangan tahunan. Dokumen-dokumen ini hendaklah di simpan di Labuan dan boleh diperiksa oleh LOFSA, pelabur atau orang awam.
- (iv) Peruntukan mengenai perlindungan kepada para pelabur. Sekiranya seseorang telah melanggan dana yang mana prospektusnya tidak memenuhi atau melanggar peruntukan akta, seseorang itu boleh memohon,

membatalkan pembelian yang telah dibuat atau menuntut ganti rugi.

- (v) Peruntukan mengenai fee. Mana-mana fee yang diperolehi di dalam akta ini serta bayaran-bayaran lain akan menjadi sebahagian daripada dana LOFSA untuk membiayai kos operasinya. Bagaimanapun mana-mana fee yang akan diperolehi oleh bursa dari ahli-ahli bursa akan menjadi sebahagian dari dananya.
- (vi) Peruntukan mengenai penubuhan LOFSA Kewangan Antarabangsa Labuan. Akta tersebut memberi kuasa kepada Menteri Kewangan meluluskan atas syor LOFSA penubuhan bursa kewangan antarabangsa Labuan. Tujuan penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan adalah untuk memberi kemudahan kepada penerbit dana di Labuan dan luar negara menyenaraikan dana mereka. Undang-undang kecil dan kaedah-kaedah perniagaan di bursa mestilah digubal melalui perundingan dengan LOFSA atau kelulusan

menteri mengikut mana yang berkenaan. Pentadbiran Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan akan diuruskan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri tidak kurang dari lima orang ahli di mana seorang ahli dan pengerusinya hendaklah dilantik oleh menteri. Dari segi pengawalseliaan bursa kewangan itu adalah terletak di bawah bidang kuasa LOFSA.

- (vii) Peruntukan mengenai kuasa menteri. Akta ini memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan akta atau mengubahsuai apa-apa peruntukan yang boleh mengganggu kelancaran pentadbiran akta. Menteri juga berkuasa melarang mana-mana dana daripada menjalankan sebarang aktiviti yang difikirkan tidak sejajar dengan dasar kerajaan dan meluluskan setiap instrument baru selain daripada dana bersama yang akan diperkenalkan oleh Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan.

Penggubalan rang undang-undang ini dijangka akan menggalakkan lagi perkembangan aktiviti luar pesisir serta menambahkan daya saing Labuan sebagai sebuah IOFC yang terulung di rantau ini. Dengan adanya rang undang-undang ini penerbitan serta pengurusannya akan dapat berjalan dengan lebih teratur dan kekeliruan yang sering timbul berkenaan dengan bidang kuasa penyeliaan dana luar pesisir di Labuan akan dapat diselesaikan.

Pada keseluruhannya penggubalan rang undang-undang ini bertujuan memastikan kesinambungan pembangunan Labuan sebagai sebuah IOFC supaya seiring dengan pembangunan yang terdapat dengan lain-lain IOFC dunia yang terkemuka serta memperkemaskan struktur perundangan yang sedang terpakai di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia sekuriti di Labuan, penubuhan suatu kemudahan bagi menyenaraikan sekuriti itu pada suatu bursa dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

4.30 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun pada petang ini bagi membahaskan satu Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan yang lebih ringkas dipanggil LOFSA.

Saya meneliti rang undang-undang ini dengan begitu jelas bahawa rang undang-undang ini sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen sewaktu membentangkan rang undang-undang ini tadi amat diperlukan oleh industri kewangan luar pesisir Labuan. Dengan tertubuhnya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, saya rasa kita melangkah lagi satu tapak yang lebih baik dan lebih canggih kerana di sini terdapat 61 Fasal yang dibentangkan bagi mengawal selia segala perkhidmatan, segala bentuk dana yang akan wujud di dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Dengan adanya 61 Fasal ini saya rasa mungkin tidak terdapat ruang-ruang (loop-holes) yang boleh dipertikaikan dari segi undang-undang apabila menjadi satu masalah akan timbul nanti. Saya percaya dengan adanya undang-undang ini kita dapat mengawal selia kewangan negara, kewangan orang ramai dan sebagainya.

Di sini apabila kita lihat pelbagai bentuk peraturan dikenakan termasuk cara menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, ahli-ahli lembaga pengarahnya, yang tidak lain bagi tujuan untuk memperbaiki perkhidmatan kewangan negara. Kita faham apabila kita bercakap sahaja kewangan, semua orang mengerti iaitu duit atau Ringgit Malaysia, akan tetapi bagaimana caranya, itu adalah berbeza-beza. Pasaran wang, dana dan juga bank kadang-kadang berbeza bentuk.

Apa yang perlu kita perbincangkan pada hari ini, di dalam ghairah kita mengenakan peraturan-peraturan ini kita jangan harus leka, kita juga harus melihat dari segi kedudukan Ringgit kita. Saya takut pesisiran pantai ini nanti mereka melupakan Ringgit Malaysia, mereka memperdagangkan Euro Dollar atau US Dollar di dalam pasaran mereka. Jadi dengan adanya bentuk perniagaan seperti ini yang dijalankan oleh bank-bank luar pesisir ini akan menjadikan Ringgit lemah kerana mereka tidak akan menggunakan Ringgit, mereka akan menggunakan Euro Dollar ataupun mereka menggunakan US Dollar ataupun menggunakan Pound Sterling.

Jadi saya berharap kepada pihak Kementerian Kewangan perkara ini harus dirundingkan dengan lebih teliti supaya kita tidak menjadi mangsa. Kita lihat sekarang bahawa apabila kerajaan mengutarakan supaya insurans di Malaysia ini peratusannya tidak dibenarkan seratus peratus milik luar negara, akan tetapi kita lihat dalam akhbar hari ini jelas bagaimana Amerika telah mengugut kita, kita tidak menggunakan perjanjian WTO, dia akan memberi satu tekanan yang maha hebat tetapi belum tentu bentuknya. Mungkin dia membatalkan GSP seratus peratus, mungkin ia tidak memberi senjata

kepada kita, mungkin di berhentikan perdagangan kewangan dan sebagainya. Kita rakyat Malaysia harus peka terhadap perkara ini.

Saya lihat dan amat terharu apabila Amerika memperkatakan demikian di dalam akhbar hari ini dengan lantang melalui berita daripada Washington. Perkara ini tidak harus berlaku kalau mereka menghayati dunia perniagaan (business world) tetapi Amerika ini lebih memikirkan untuk monopoli satu dagangan itu yang difikirkan mereka miliki dan warisi sejak dari moyang mereka lagi. American International Assurance (AIA) adalah milik nenek moyang mereka dahulu, memang kita akui tetapi apa salahnya insurans gergasi ini diberi kesempatan kepada negara Malaysia ini, terutama rakyat Malaysia memegang saham di dalam AIA.

Saya berharap kepada Kementerian Kewangan supaya tegas dalam menentukan arah tuju kita ke mana. Jangan kita sewenang-wenang mengangguk kepala seolah-olah kita ini boleh diperkotak-katikkan, boleh ditarik hidung kita ke mana-mana, ke utara - kita ke utaralah, dia kata kita ke selatan - kita ke selatan. Jadi saya perlukan Kementerian Kewangan tegas dalam perkara ini menentukan kalau kita rasakan insurans di Malaysia ini perlu dianggotai atau pemegang sahamnya oleh rakyat Malaysia kerana sudah sampai masanya kita terpaksa berniaga, masa berdagang bersama-sama berkongsi dengan mereka, bukannya mereka sewenang-wenangnya dari dahulu kala lagi insurans itu hak mutlak mereka. Negara-negara lain juga patuh.

Kita juga ada pelbagai bentuk insurans di negara kita yang dimiliki oleh negara luar, termasuk Turki, Saudi Arabia dan Jepun. Saya rasakan Jepun juga mempunyai kepentingan insurans mereka beratus-ratus juta ringgit tiap-tiap satu syarikat di Malaysia tetapi mereka akur, mereka kata mereka boleh berkongsi tetapi bagaimana Amerika ini lantang sekali mengugut negara kita. Kalau tidak mahu berkongsi tidak apa, dia kata, menggunakan sekatan. Saya berharap kementerian peka terhadap perkara ini di samping kita bekerja keras untuk menentukan perdagangan dan insurans kita berjaya.

Saya lihat tentang penubuhan pesisiran ini tidak perlu dipertikaikan kerana prospektus-prospektus akan dikeluarkan juga mengikut sebagaimana peraturan prospektus-prospektus yang hendak kita senaraikan dalam bursa saham kita. Di dalam prospektus itu juga kita ingin nasihatkan kepada Yang Amat Berhormat di Kementerian Kewangan supaya berhati-hati, kadang-kadang prospektus ini pun saya susah hendak cakap. Kalau kita lihat dalam negara kita apabila satu syarikat hendak dimasukkan dalam pasaran saham apabila sudah diberi kebenaran oleh Kementerian Kewangan dan sebagainya, kita lihat katakan senarai hartanya ada di Taiping, ada di Alor Setar, Pulau Pinang dan

sebagainya, tetapi apa yang saya pertikaikan ialah nilai bangunan-bangunan itu, nilai harta tanah itu tidak begitu sesuai pada keadaan apabila dia buat prospektus itu, terlalu mahal.

Terdapat satu kes saya melihat bahawa satu shopping complex di pinggir bandar Kuala Lumpur, bukan di tengah-tengah bandar, di tengah bandar Kuala Lumpur tidak apa, hampir RM300 juta di pinggir bandar. Jadi, di situ over value, dengan izin, telah dinilai dengan berlebihan. Apabila dinilai dengan berlebihan, nasib baik kita ada akta sekuriti, kita ada penapisan, jadi perkara itu dikurangkan balik, mengikut harga nilai yang sepatutnya.

Jadi saya harap jugalah Labuan ini apabila kita menyenaraikan dalam prospektus itu nanti biar berhati-hati, kerana dalam bentuk kewangan ini kita harus berhati-hati kerana saya takut terlebih nilai. Kita lebih maklum bahawa pakar-pakar ekonomi yang datang dari luar negara yang ditempatkan di Labuan, mereka datang untuk mencari untung, bukan mereka datang untuk mencari rugi.

Jadi saya rasa itulah ucapan perbahasan saya pada petang ini, dengan itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat menjawab.

4.40 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi tadi kita akan cuba sedaya upaya untuk menjadikan IOFC terunggul di dunia. Kita berharap dengan adanya bank-bank terbesar di dunia yang beroperasi di Labuan nanti, ia akan meletakkan Labuan di peta dunia. Bukan itu sahaja, kita juga hendak meletakkan Pusat Kewangan Islam Luar Pesisir juga di Labuan. LOFSA sedang dalam proses penubuhan Pusat Kewangan Islam Luar Pesisir di Labuan ataupun ringkasnya ALLIM. Setakat ini ada dua instrumen kewangan Islam diperkenalkan, iaitu Adil Fund dan Ibnu Batutah Fund.

Mengenai insurans luar pesisir, sehingga 31 Disember 1969 sebanyak 11 lesen insurans luar pesisir telah diluluskan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan insurans di Labuan. Ini merupakan pertambahan sebanyak 83.3%. Sehingga kini lebih 20 lesen telah dikeluarkan dan ini merupakan perkembangan yang sangat menggalakkan.

Mengenai soal Ringgit yang boleh menjadi lebih lemah di Labuan sebab asyik mengira wang lain, tidak perlu bimbang kerana di Labuan, Ringgit tidak diniagakan. Ini bermakna nilai Ringgit tidak boleh ditekan di pasaran Labuan kerana Ringgit tidak diniagakan di Labuan itu. Apa yang diniagakan secara keseluruhannya ialah US Dollar dengan wang asing lain seperti Yen, Sterling dan sebagainya.

Nilai Ringgit tidak mungkin jatuh sebab Labuan dan saya berharap Yang Berhormat janganlah bimbang.

Mengenai WTO yang telah diperkatakan tentang insurans 51% yang Amerika telah begitu lantang menentang Malaysia. Dalam perjanjian WTO yang akan kita tandatangani, apa yang berlaku ialah negotiation iaitu kita cuba mendapat leach, dengan izin, seberapa banyak. Jadi mungkin insurans 51% atau 49% atau 70%, 30% atau 100%, ini yang selalu kita lakukan. Kalau kita terus beri 100% kepada insurans asing yang datang berniaga di tempat kita sedangkan insurans kita masih lemah, maka akan tergadai perniagaan kita itu kepada tangan orang lain.

Ingatan-ingatan Yang Berhormat akan kita catatkan di sini dan kita akan cuba menyelenggarakan Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan ini dengan jayanya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) (NO.2) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995, Akta 533 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) (No.2) 1997 bertujuan untuk meminda seksyen 2 dan memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Akta Lembaga

Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995, Akta 533. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 September 1994 telah bersetuju meluluskan penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Satu akta berkaitan dengannya telah diluluskan oleh Parlimen dan telah diwartakan sebagai Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri, Akta 533 pada 16 Februari 1995 dan telah mula berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996 sepertimana yang telah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam *Warta Kerajaan* Jilid 40, No. 5 bertarikh 29 Februari 1996.

Fungsi LHDNM adalah sebagai ejen kepada kerajaan dalam memberi perkhidmatan mengenai insurans, urusan pentadbiran, pentaksiran, pungutan dan penguatkuasaan, pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan apa-apa cukai lain yang dipersetujui di antara kerajaan dan LHDNM.

Beberapa pindaan telah pun dibuat ke atas akta ini bagi membolehkan urusan pungutan cukai dilakukan oleh LHDNM menjadi lebih efisien di samping mengelakkan percanggahan dengan peruntukan undang-undang yang ada. Pindaan-pindaan ini telah pun dimasukkan ke dalam Akta LHDNM (Pindaan) 1997.

Pada awal tahun ini kerajaan telah pun bersetuju supaya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (TPTN) ditubuhkan yang bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar mengikuti kursus peringkat Ijazah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan. Satu akta yang dikenali sebagai Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 telah pun diluluskan oleh Parlimen. Sehubungan dengan ini, kerajaan telah mengarahkan LHDNM memungut balik semua pinjaman pendidikan yang diterima oleh pelajar dari TPTN selaras dengan kehendak seksyen 25 Akta Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Bagi membolehkan LHDNM bertindak sebagai ejen pemungutan seperti yang dinyatakan dalam Akta TPTN ini, satu peruntukan baru perlulah dimasukkan ke dalam Akta LHDNM memandangkan pada masa ini pemungutan yang dipertanggungjawabkan kepada LHDNM di bawah seksyen 10 Akta LHDNM adalah tidak termasuk pungutan bagi mendapat balik pinjaman dari TPTN.

Dengan memperluaskan fungsi LHDNM ini juga, Menteri Kewangan akan mempunyai kuasa membuat peraturan bagi mewujudkan satu kaedah bagi melaksanakan fungsi pemungutan bayaran balik selaras dengan peruntukan seksyen 28 Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Bagi memastikan fungsi-fungsi pungutan dari TPTN ini dilaksanakan dengan kemas dan teratur, maka

seksyen 2 Akta LHDNM 1995, Akta 533 perlulah dipinda dan seksyen 10A perlulah dimasukkan dalam akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Dato' Ghazi.

4.51 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Pertama sekali saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi penerangan yang begitu jelas walaupun ringkas dan padat, tetapi saya rasa point yang mustahak telah pun diterangkan oleh beliau.

Pertama sekali saya menyokong kuat tentang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi kerana soal hendak pungut balik ini bukan senang, satu perkara yang rumit walaupun fiil manusia bila hendak itu dia berjanji, tetapi kalau tidak ada cara yang saya rasa pintar dalam keadaan zaman sekarang ini memang tidak terbayar. Seperti kita tengok dalam MARA, walaupun masalah MARA ini kita bentangkan dalam akhbar, sebut nama dan sebagainya, mungkin ada juga kejayaannya tetapi kekesanan itu boleh dipersoalkan dan kos untuk memungut hutang itu pun adalah begitu tinggi dan boleh dipersoalkan dan jangka masanya (timing) pun terlalu amat panjang sehingga menjadikan satu beban masyarakat keseluruhannya terpaksa tanggung.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa langkah pintar untuk memberi kuasa kepada LHDNM menjadi ejen untuk memungut dari segi pinjaman ini adalah satu langkah yang efektif. Malah saya ingin mengambil peluang ini untuk menyarankan kepada pihak kementerian supaya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang khusus untuk pendidikan perlu dikaji dan dipertingkatkan bilangan peruntukannya. Saya membuat cadangan ini kerana kalau kita sudah ada instrumen, ada kaedah yang saya katakan pintar dalam zaman sekarang untuk memungut pinjaman, ertinya kita sudah boleh guarantee almost 100%. Yang Berhormat Menteri diberi kuasa untuk memungut kaedah/cara yang

sebaik mungkin dan mungkin cara kaedah yang paling efektif ialah bila kawan ini dapat pekerjaan, dimestikan dipotong daripada gajinya sendiri, so it is almost guarantee. Kalau kaedah yang boleh dijamin hampir 100% dan kuasa ada pada kita untuk menentukan had bila yang kita hendak dapat pulangan keseluruhannya, maka pada saya ini adalah satu peluang yang paling baik sekali untuk kerajaan membuat pelaburan (investment) dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan ini kerana suasana dalam negara kita mementingkan ilmu pengetahuan. Kita menghadapi masyarakat berilmu. Kementerian Pendidikan sibuk sekarang dan rancak menggalakkan pengwujudan institusi pengajian tinggi swasta juga. Jadi pada saya, kalau ini kita galakkan dan kalau benda-benda lain juga kita galakkan, saya rasa patut dipertingkatkan tabung ini supaya lebih ramai anak kita, lebih-lebih lagi yang berpendapatan rendah supaya tidak kehilangan peluang untuk belajar, kalau tidak, on one hand, dengan izin, kita galakkan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta, khususnya yang swasta, berkembang dan membiak begitu hebat sekali, ada pula program-program twinning dan sebagainya dengan rakan-rakan universiti dalam negeri dan juga galakan institusi pengajian tinggi luar negeri datang beramai-ramai dengan tujuan baik untuk mewujudkan Malaysia sebagai centre of excellence, dengan izin.

Pada saya walaupun dalam keadaan ekonomi merosot, walaupun dalam pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyebut kena potong 18%, walaupun dalam keadaan itu, pada saya, tidak salah dan adalah selaras dengan niat kita untuk mewujudkan masyarakat berilmu supaya kita memperuntukkan, meningkatkan lagi, malah jangan sentuh peruntukan tentang pendidikan ini. Malah kalau ada yang boleh kita kurangkan di tempat lain, ditambah lagi dari segi skim ini. Pada saya ini adalah amat relevan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pelaburan kita dalam bidang pendidikan, kebetulan saya nampak Timbalan Menteri Pendidikan juga ada di sini, saya ingin menyebut bahawa kalau kita melihat suasana sekarang ini dalam syarikat swasta mengikut Akta Syarikat, syarikat-syarikat kena buat penyata tahunan (annual report) tiap-tiap tahun dan ini diserahkan kepada Registrar of Companies sebagai Pendaftar Syarikat dan sebagainya. Bahan (instrument) inilah yang dijadikan saluran atau bahan bacaan kepada masyarakat untuk mendapat maklumat untuk mengetahui bagaimanakah perkembangan syarikat sama ada baik atau tidak baik rancangan masa depannya dan sebagainya. Biasanya dalam amalan, penyata kewangan ini memberi penekanan tentang angka-angka yang lama

(historical figures) yang dibuat melalui satu cara yang kita panggil sistem perakaunan (financial accounting system).

Jadi dalam hal ini, biasanya dalam laporan pengerusi itu sahaja menyebut bahawa sumber manusia (human resource) merupakan satu aset atau harta kita yang amat mustahak, tetapi yang peliknya, yang jadi tanda tanya ialah semua angka yang disebut itu tidak memberi penilaian kepada sumber manusia ini, hanya disebut satu dua ayat, habis kuat tunjuk gambar yang bersinar-sinar, yang cantik, itu sahaja. Saya ingin menarik perhatian ini kerana selaras dengan kita membuat pengkhususan tentang masyarakat berilmu, selaras dengan usaha kita untuk memenuhkan seluruh rakyat kita dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, kita hendaklah membuat satu perubahan kepada bentuk laporan penyata tahunan syarikat-syarikat ini dan bentuk perubahan ini ialah dengan membuat dan memberi penilaian sistem accounting yang khusus untuk mengenal pasti 'the hidden powers' dalam syarikat ini kerana kalau kita buat begini barulah selaras dengan usaha-usaha yang kita buat.

Biasanya yang kita kenal dengan kebolehan umat manusia ini ialah yang kita panggil modal intelek (intellectual capital). Modal intelek inilah sebenarnya modal yang dikeluarkan oleh manusia yang mempunyai ilmu, kepakaran dan kemahiran. Kalau sekarang kita memperkenalkan Koridor Raya Multimedia, kita mewujudkan undang-undang khas sesuai dengan iklim atau suasana ini, kita mewujudkan cyber laws, saya rasa adalah selaras kalau dalam bidang kuasa undang-undang persyarikatan, juga dikehendaki syarikat-syarikat membuat ini, barulah kakitangan dan pengurus-pengurus merasakan bahawa mereka diberi penilaian yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak betul-betul menjadi orang pertama dalam dunia untuk mewujudkan sistem perakaunan sumber manusia, inilah peluang baik kerana Koridor Raya Multimedia memberi tapak yang baik. Kita menjadi kuasa dunia yang pertama untuk mewujudkan sistem perakaunan sumber manusia kerana di merata-rata orang tidak boleh pertikaikan bahawa sumber manusia merupakan satu kuasa yang besar. Cuma sistem accounting sekarang yang saya agak hampir 500 tahun umurnya cuma dibaiki sedikit sebanyak yang berlarutan dari segi cara penyampaian, the basic rules still the same, sama, tak ada beza, cuba perhatikan - sama sahaja. Cuma sekarang ini syarikat agak canggih, dia hanya mengeluarkan kalau dahulu hanya dengan bentuk bercetak (print), sekarang ini adalah sedikit CD-Rom di belakang, tetapi kita tidak hendak melihat CD-Rom dengan fizikalnya, kita hendak melihat penilaian yang sebenarnya diberi kepada kekuasaan sumber manusia.

Saya rasa inilah peluangnya untuk saya bercakap tentang hal ini kerana Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini telah wujud dan dalam usaha mewujudkan ini, kita juga mewujudkan universiti-universiti baru yang tersendiri. Multimedia University oleh Telekom ada, Universiti Tenaga Nasional ada, Universiti Petronas ada dan sebagainya. Inilah masanya pihak kementerian mengeluarkan satu arahan kepada universiti-universiti ini supaya bidang kajian ini dibuat serta-merta selain daripada menjalankan program-program yang tradisional, program-program yang hanya dikemaskini daripada apa yang ada sekarang. Kalau program ini berlaku serentak sebagai satu proses pembangunan, pada saya, kita boleh mencapai taraf pertama di dunia untuk menganjurkan ini. Bila universiti sudah membuat itu dan dibaiki sehingga dapat diterima oleh masyarakat ataupun pihak swasta negeri sendiri, maka pihak accounting society dalam Malaysia boleh jadikan standard accounting di peringkat Malaysia, boleh kita hebahkan di dunia melalui saluran-saluran tertentu. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin tekankan dalam perkara ini.

Seperkara lain yang saya ingin sebut dalam perkara ini ialah supaya peluang untuk kita membetulkan pemikiran orang-orang yang meminjam, saya rasa inilah peluangnya. Kalau dapat kita betulkan supaya bila seseorang itu berkehendakkan pinjaman dengan kerana ada peraturan yang sebenarnya, maka dia terpaksa kena mengikut peraturan. Pada saya, ini juga peluang. Kalau boleh dipanjangkan akta ini bukan hanya setakat Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, kalau dapat diperluaskan kalau justifikasinya ada kepada pinjaman yang sedia ada tertunggak di peringkat MARA sendiri, pada saya, apa salahnya kerana it is just an extension. Kalau kita ada kuasa, hanya panjangkan ke sini untuk tujuan ini. Kenapa kita tidak panjangkan ke situ untuk tujuan yang sama. Atas tajuk itu, saya kata panjang-panjangkanlah di seluruh pelosok institusi yang mana kerajaan ada interest.

Saya bersetuju benar dengan rakan saya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz umpamanya, di mana pihak kerajaan ada interest, di situ kita mesti lafazkan kekuatan dan kuasa kita semaksimum mungkin sebab di situlah peluangnya dan keyakinan rakyat melihat ini. Kalau masyarakat kerajaan membuat ini, pada saya, ini satu cara menjadi peluang kepada kerajaan untuk meningkatkan tahap keyakinan rakyat. Kalau di sana sini mereka melihat bahawa kerajaan menggunakan kuasanya secara langsung atau tidak langsung, secara halus atau tidak halus, itu terpulanglah, tetapi kekesanannya ada, maka keyakinan masyarakat kepada kerajaan terus meningkat.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali.

5.05 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya melalui perbahasan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri hanya hendak mengemukakan beberapa soalan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Pertama, saya hendak merujuk kepada kuasa yang telah diberi kepada menteri dari masa ke semasa ini di mana memberi arahan dan membuat peraturan berhubung dengan pemungutan bayaran balik. Ini tujuan pindaan akta ini. Apakah menteri sudah pun mempunyai mekanisme sekadar kenal pasti, apakah bentuknya, caranya? Bolehkah Yang Berhormat terangkan sedikit dalam jawapan nanti bagaimana caranya.

Yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat bersabit dengan soal pungutan cukai ini. Tuan Yang di-Pertua, sesebuah negara ini macam sebuah syarikat juga. Untung ruginya duduk kepada pendapatan. Jadi, Lembaga Hasil Dalam Negerilah yang paling penting, yang pungut cukai pendapatan, pungut cukai-cukai syarikat, daripada sinilah hasilnya kita buat untuk pembangunan. Jadi isu-isu yang sentiasa timbul di sekitar masalah pungutan cukai ini baru-baru ini saya ada bercakap waktu perbahasan Belanjawan hanya menyentuh aspek dari segi taksiran.

Pada hari ini saya hendak mengajukan soalan. Pertama, adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat, kalau adalah, saya hendak tahu berapakah jumlah cukai yang tidak dipungut sepanjang tahun 1997 ataupun yang tertunggak sebelum ini dan yang sudah terkumpul, yang tidak dibayar oleh individu dan berapakah jumlah cukai yang tidak diselesaikan oleh syarikat dan berapakah individu yang telah pun diambil tindakan di mana didapati mereka tidak dapat membayar cukai sehingga pasport mereka ditahan dan tidak boleh keluar negeri. Kita hendak tahu jumlah dan siapakah mereka ini, sebab perkara ini kadang-kadang baik juga kalau didedah seperti pihak MARA buat, supaya kalau ada mereka yang tidak bayar cukai dia tahu nama dia akan didedahkan, pasport dia ditahan tetapi dia boleh memandu kereta S 320, dia boleh duduk rumah besar, malu juga itu kalau dia tidak bayar, itu pun satu tamparan juga, satu kaedah juga untuk didedahkan kepada masyarakat supaya orang yang patut bayar cukai mesti bayar cukai, manakala orang-orang yang tidak patut bayar cukai tetapi dibuat salah tafsiran, berlaku penganiayaan, orang-orang ini pun kita kena tengok juga dari segi pembelaan supaya ada yang patut bayar cukai, terlepas dan ada yang tidak patut bayar cukai, kena. Ha, macam itu ada juga berlaku kes-kes, mungkin salah tafsiran dan sebagainya.

Soalan yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat kalau ada maklumat, berapakah jumlah yayasan, institusi dan pertubuhan yang telah diberikan pengecualian cukai yang secara mutlak. Maknanya, ada setengah itu diberi pengecualian cukai berasaskan kepada aktiviti tetapi ada setengah persatuan ataupun institusi yayasan diberi pengecualian cukai cara mutlak, maknanya, dengan izin, debt particular foundation institute. Maknanya, kalau dia terima sumbangan, boleh dikatakan apa pun sumbangan pada bila-bila masa sahaja dia buat aktiviti ataupun tidak buat aktiviti, tetapi dia ada pengecualian cukai. Maknanya, dia boleh terima daripada penyumbang-penyumbang dan penyumbang yang membuat sumbangan itu diberi pengecualian cukai kerana menyumbang kepada institusi yayasan tersebut.

Adakah pihak kementerian terutamanya Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai peruntukan akta ataupun kaedah supaya mereka yang diberi pengecualian institusi yayasan ini adakah kementerian atau Lembaga Hasil Dalam Negeri menyemak, bukan menyemak laporan yang disebutkan, laporan ini untuk cantik, sekarang ini dengan komputer yang canggih, dengan laser disc dan sebagainya, kulit cantik, gambar rajah, jangan terpengaruh dengan bab-bab macam ini, jangan terpengaruh dengan kertas kerja, jangan terpengaruh dengan presentation yang baik sebab saya selalu berpendapat “don’t judge the book by the cover”. Ada yang kulit itu tidak cantik tetapi isinya cantik, ada kulit cantik tetapi isinya tidak cantik. Ada yang semacam itu. Jadi dalam hal ini, laporan-laporan itu kena tengok, aktiviti-aktiviti itu. Katalah yayasan ‘A’ diberi pengecualian cukai, dia terima berjuta ringgit dan orang suka derma kepada yayasan itu, sebab mungkin yayasan itu penting, namanya pun sedap, ada macam-macam, jadi duit dia terima itu kerana ahli lembaga pemegang amanah yayasan ini non-profit organisation ataupun institute, dia tidak boleh declare dividen. Tetapi mereka yang jadi lembaga pengarah, jadi pengerusi, boleh menggunakan segala sumber kewangan yang ada dalam yayasan pertubuhan tersebut.

Saya hendak tahu adakah kementerian pernah semak dan puas hati melihat kepada sumbangan yang diterima sebab ini duit amanah yang patut masuk cukai kepada kerajaan dan masuk Tabung Khazanah Negara, tetapi diberi sejuta, dua juta ringgit over dinner or over certain function, masuk kepada satu yayasan, satu institusi dan duit itu akan digunakan atas budi bicara lembaga pemegang amanah. Apakah duit ini dalam peranan yayasan ini kita puas hati? Adakah setiap tahun semak, cukup dua tahun yayasan ini boleh ditarik balik dari segi pengecualian cukai, dia sudah tidak boleh, beri kepada orang lain pula. Sebab saya tengok ada juga persatuan, yayasan yang bersungguh-sungguh dan

kuat mohon pengecualian cukai payah hendak dapat tetapi ada setengah itu dapat, tetapi aktiviti itu tidak seberapa banyak pun, setahun adalah satu-dua keluar surat khabar, big publicity, bayar RM38,000 kepada *Straits Times*, bawa pemimpin besar - masuk dalam itu, gambar colour, orang tengok hebat, sekali itu sahaja.

Kaedahnya, contohnya mungkin begitu - sekali atau dua kali. Tetapi aktiviti-aktiviti lain, dari segi menggunakan wang yang disumbang oleh mereka ini untuk dimanfaatkan kepada kegiatan-kegiatan yang betul-betul boleh membantu masyarakat termiskin, orang-orang yang perlu, orang-orang yang daif. Jangan pula terima bantuan yayasan ini untuk pendidikan, contohnya. Berilah 20 scholarship, keluar dalam advertisement, hantar ke London RM200,000, RM300,000 ataupun setengah juta ringgit, tetapi belanja ahli-ahli lembaga pemegang amanah ada lawatan-lawatan ke luar negeri sambil belajar itu lebih banyak daripada yang itu, macam mana Yang Berhormat? Semua ini penting.

Inilah perkara-perkara yang harus dilihat sebab pentingnya hasil ini, sebab kalau tidak ada hasil, tidak adalah, kita bergantung kepada hasil ini untuk menguruskan negara. Negara ini untungkah, rugikah, defisitkah, tidak defisitkah, bergantung kepada pendapatan. Jadi perkara ini penting dan saya hendak tahu sebab kita mempunyai banyak pertubuhan, banyak yayasan, berselerak di seluruh negara dan saya rasa mesti ada kaedah untuk disemak secara serius oleh pihak Kementerian Kewangan, turun, tengok dan check. Jangan tunggu laporan sahaja datang, tengok kulit itu cantik, nampak okay, ha okay, selepas itu kalau ada Tan Srikah sign, Datukkah sign, takut, buat apa? Semak, jangan kira siapa sign, jangan kira siapa pengerusi. Transparent - pergi tengok, check betul sama ada kita puas hati ataupun tidak puas hati duit itu digunakan dengan sebaik mungkin ataupun tidak, kalau tidak, tarik balik dan beri pula kepada pertubuhan lain yang boleh supaya kita spread sebab ada macam-macam pertubuhan, yayasan dan institusi yang diberi pengecualian cukai. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu saya tanya soal pungutan.

Lain-lain perkara saya rasa tidak banyak. Saya tidak ada hendak menyentuh hal lain, cuma saya hendak menekankan dua aspek ini. Tinggal lagi saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini walaupun kita tahu kerja mereka ini tidak mudah. Sebenarnya kerja mereka ini lebih susah dan lebih teruk serta lebih bahaya, samalah dengan pasukan keselamatan iaitu pasukan tentera, polis, maklum sahajalah hendak pergi kutip cukai ini, hendak saman orang, hendak semak, periksa pendapatan orang tidak mudah. Jadi walau bagaimanapun, kita lihat peningkatan pendapatan cukai yang saya lihat prestasinya mengikut rekod

begitu bertambah baik daripada masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya berharap sangat supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri ini lebih proaktif dan terus mencari orang-orang yang mungkin masih ada lagi terlepas daripada bayar cukai.

Oleh kerana saya tidak hendak menghabiskan masa, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tolong beri kepada saya walaupun secara notis atau secara bertulis seribu nama pembayar cukai, contohnya, mesti ada dalam komputer, bukan susah hendak beri, boleh print, seribu nama pembayar-pembayar cukai individu. Saya hendak tengok senarai nama seribu pembayar cukai itu adakah nama-nama yang tertinggal yang mungkin saya tahu orang-orang hebat, orang besar, rumah besar, kereta besar, adakah nama itu termasuk dalam senarai itu. Saya menyokong penuh di mana hal pungutan cukai ini saya minta pihak Kementerian Kewangan jangan ada perlindungan politik - no political. Ertinya dalam konteks kalau kita buat projek, orang berniaga, projek tak siap, hendak minta extend masa, atas pertimbangan hendak bina usahawan, kelemahan itu boleh kita tolong, maknanya tidak ada masalah. Tetapi soal cukai yang kena bayar berjuta-juta ringgit, yang patut bayar dan dapat projek besar, untung pun banyak, declare tak betul, sembunyi sana-sini, yang ini saya minta kerajaan tegas dan jangan ada sebarang perlindungan - go all out.

Saya menyokong penuh, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila jawab.

5.17 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli dan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang telah bersama-sama membincangkan rang undang-undang ini.

Bilangan peruntukan yang telah diberi oleh kerajaan kepada tabung ini adalah sebanyak RM100 juta dan ini adalah hasil dari perbincangan Perhimpunan Agung UMNO dan telah direalisasikan untuk melihat bahawa anak-anak kita mendapat pendidikan yang secukup dan sewajarnya dan kita tidak mahu kalau boleh anak-anak kita keluar setengah jalan daripada universiti kerana kekurangan wang untuk membiayai pembelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang meneliti pemotongan-pemotongan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tetapi program-program pembasmian kemiskinan tidak akan dipotong dan kita akan melihat juga seperti syor Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi mengenai kesihatan dan

pendidikan supaya kalau dipotong pun secara minimum dan tidak berleluasa kerana ini menumpukan perhatian kita kepada klien ataupun orang-orang yang memerlukannya.

Mengenai penyata tahunan yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi memang benar bahawa penyata tahunan itu akan diberikan tiap-tiap tahun, kadang-kadangnya lewat enam bulan, ada yang lewat setahun dan kadang-kadang lewat tiga empat tahun dan analisis tidak dapat dibuat kerana unjuran-unjuran itu sudah ketinggalan zaman (out-of-date). Apa yang kita lihat sepertimana yang telah dikatakan tadi, financial accountant standard dan financial accounting system itu tidak dapat diubah. Apa yang dapat kita syorkan supaya mereka mengadakan satu lagi financial accounting system atau standard yang boleh mencungkil data-data yang kaya dari segi pendidikan dan human resource development.

Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita telah menekankan bahawa kita hendakkan produk yang berkualiti. Untuk mempamerkan produk yang berkualiti, kita hendakkan orang yang berkualiti dan ini amat penting di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di mana banyak peruntukan telah pun diberikan dan sedang diberikan kepada institut-institut latihan, baik di peringkat diploma dan juga pengajian tinggi. Oleh itu, apa yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah vokasional telah diubah untuk dijadikan sekolah-sekolah politeknik supaya dapat kita pergi ke bidang yang lebih tinggi dari itu dan Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan supaya anak-anak kita yang mahir tangan dan Giat MARA dapat bersama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengambil alih tugas-tugas kemahiran tangan ini.

Cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi mengenai seksyen 10A, iaitu 'walau apa pun seksyen 10, Lembaga boleh bertindak sebagai ejen pemungut untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan-badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis'. Jadi, bagi maksud seksyen ini menteri boleh dari masa ke semasa memberi arahan dan membuat peraturan berhubung dengan pemungutan bayaran balik itu. Cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi supaya MARA juga dimasukkan ke dalam ini, saya akan membawa perkara ini kepada kementerian berkenaan.

Untuk belia misalnya, ramai belia kita yang telah meminjam tetapi tidak dapat memulangkan sepertimana yang dikehendaki. Oleh kerana itu, Kementerian Belia dan Sukan telah menggunakan BSN Commercial yang telah ada institusi berkenaan, yang telah ada jentera-jentera pemungutan balik, maka ini akan mendapat balik pinjaman-pinjaman yang telah dibuat.

Mengenai mental make-up yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi saya bersetuju kerana selalunya apabila meminjam dari kerajaan ini mereka tidak bayar kerana konotasi kerajaan ialah daripada mereka yang telah mengundi dan membentuk kerajaan yang berkenaan. Tetapi ada satu agnate note yang telah dibaca dahulu bahawa Yang Berhormat sekarang ini Timbalan Menteri Kewangan semasa beliau di MADA telah menulis dalam khutbah mengatakan bahawa pak aji-pak aji yang telah meminjam duit daripada bank, koperasi, MADA dan sebagainya hendaklah memulangkan balik sebelum menunaikan haji kerana jika mereka menunaikan haji tanpa membayar balik hak-hak yang telah dituntut oleh bank-bank berkenaan, maka haji itu akan diragui dari segi kesahihannya, kemakbulannya. Oleh kerana itu didapati selepas sebulan daripada pengisytiharan khutbah berkenaan, ramai pak aji kita yang hendak pergi haji kali keempat, kali kelima, berbondong-bondong membayar balik duit pinjaman itu. Jadi dengan adanya mental make-up seperti ini saya rasakan cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi itu amat dihargai.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah menyarankan mengenai pungutan cukai sehingga November 1997. Pungutan cukai berkenaan ialah sebanyak RM28,550,066,793 dan jumlah yang tertunggak pada 1996 ialah sebanyak RM6.8 bilion, jumlah individu yang ditahan pasport ialah sebanyak 4,137 kes dan jumlah yaysan pertubuhan yang diberi pengecualian cukai akan kita lihat dan saya berjanji untuk memberinya cara bertulis. Walaupun begitu, apa yang kita perlu lihat sekarang ini jika pungutan-pungutan itu dibuat selain daripada pemberian-pemberian daripada dana kerajaan, Kementerian Kewangan telah pun menyarankan supaya aktiviti-aktiviti mereka diteliti dari masa ke semasa sebelum mereka meminta dana yang lain.

Mengenai orang yang mengelak cukai sepertimana yang telah saya katakan dahulu bahawa mereka tidak ada idah. Maknanya, jika mereka tidak bayar cukai, mereka tetap tidak bayar cukai, kalau mereka lari ke luar negara dan apabila mereka balik ke mari, balik ke negara kita, kalau teringin hendak makan kuetiaw dan sebagainya di Chow Kit Road, mereka akan ditangkap. Jadi di sinilah kita akan cuba melihat bahawa dengan adanya Lembaga yang telah ditubuhkan kita akan cuba meningkatkan hasil pungutan cukai kita walaupun di beberapa bidang kita telah mengurangkan cukai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.28 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan satu rang undang-undang yang dinamakan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 bagi bacaan kali kedua dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Peperiksaan Malaysia telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun dengan berkuat kuasanya Akta 225 iaitu Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Badan ini telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Setakat ini Majlis Peperiksaan Malaysia telah dengan jayanya mengendalikan sebanyak 15 kali peperiksaan sejak tahun 1982 iaitu selepas peperiksaan ini diambil alih daripada University of Cambridge Local Examination Syndicate.

Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 yang berkuat kuasa sekarang telah dipinda sekali iaitu pada tahun 1985. Ketika itu pindaan itu dibuat adalah untuk memberi peruntukan atau perbekalan tambahan khususnya tentang pemeliharaan keselamatan peperiksaan, oleh itu pindaan yang dibuat adalah tertumpu kepada hal-hal berhubung dengan pemilikan, penyimpanan dan pengawalan bahan-bahan sulit peperiksaan seperti kertas soalan. Pindaan juga dibuat tentang penalti yang dikenakan kepada mereka yang menyeleweng atau sesiapa yang berniat jahat hendak membocorkan kertas soalan.

Kali ini saya akan membentangkan pindaan yang kecil sahaja kepada Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Pindaan ini menyentuh dua perkara sahaja iaitu berkaitan dengan takrif dan tata tertib terhadap pegawai dan penjawat Majlis Peperiksaan Malaysia. Kesemuanya ini telah diteliti oleh Jabatan Peguam Negara dan Jemaah Menteri. Hasilnya adalah seperti yang terkandung dalam Akta

Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 yang telah pun diedarkan kepada Yang Berhormat sekalian.

Seterusnya saya ingin mengulas dan menjelaskan pindaan dan tambahan kepada Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997. Perkataan ‘Kumpulanwang’ seperti yang tersebut dalam seksyen 17 akta ibu telah tidak diberi tafsiran dalam Akta ini. Oleh itu, seksyen 2 dalam akta ibu hendaklah dipinda dengan memasukkan tafsiran ‘Kumpulanwang’ dalam seksyen ini.

Dalam seksyen 18 akta ibu hanya menyatakan bahawa Majlis boleh melantik pegawai dan penjawat mengikut apa-apa had dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dengan kelulusan menteri. Peruntukan ini tidak langsung menyatakan tindakan tatatertib yang boleh diambil oleh Majlis terhadap pegawai dan penjawat yang dilantikannya sekiranya mereka melakukan kesalahan tatatertib. Oleh itu, satu enabling provision, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam akta ibu hendaklah dibuat bagi tujuan memperkemas dan memperlengkapkan peruntukan ini khususnya berhubung dengan kelakuan dan tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis Peperiksaan Malaysia.

Seksyen baru 16A yang dicadangkan memberi kuasa kepada Majlis bagi menjalankan kawalan tatatertib kepada semua pegawai dan penjawat yang dilantik itu. Bagi tujuan ini Majlis hendaklah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Tatatertib.

Seksyen baru 16B yang dicadang memberi peruntukan kepada pegawai dan penjawat Majlis membuat rayuan. Ini bertujuan untuk memberi ruang kepada pegawai dan penjawat Majlis yang telah diambil tindakan oleh Jawatankuasa Tata tertib mengemukakan rayuan demi untuk menjaga keadilan mereka. Menteri dan Lembaga Rayuan Tata tertib boleh menggesa atau mengubah keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tata tertib yang berkenaan.

Seksyen baru 16C yang dicadangkan memberi peruntukan untuk menubuhkan Lembaga Rayuan Tata tertib. Lembaga ini dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia dengan tiga orang Ahli Majlis yang lain yang bukannya anggota Jawatankuasa Tata tertib.

Seksyen baru 16D yang dicadangkan memberi kuasa kepada Majlis dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan tentang tata tertib. Peraturan-peraturan ini menerapkan jenis-jenis kesalahan tata tertib dan juga mengadakan peraturan tentang hukuman yang difikirkan sesuai untuk dikenakan kepada pegawai dan penjawat Majlis yang melanggar tata tertib.

Seksyen baru 16E yang dicadangkan memberi kuasa kepada Majlis mengenakan surcaj kepada pegawai dan penjawat Majlis sama ada sedang atau pernah berkhidmat dengan Majlis dan mereka tidak menguruskan dengan betul hal-hal kewangan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Seksyen baru 16F yang dicadangkan memperuntukkan bahawa Majlis diberi kuasa menerimapakai mana-mana peraturan dan sebagainya yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ulasan saya ini dengan menekankan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan (Pindaan) 1997 ini diwujudkan adalah untuk memperkemas dan melicinkan lagi urusan pentadbiran Majlis Peperiksaan Malaysia khususnya mengenai tindakan tatatertib terhadap pegawai dan penjawatnya yang melakukan kesalahan tatatertib. Di samping itu pindaan-pindaan dan peruntukan baru tentang tatatertib ini akan membolehkan pihak pengurusan Majlis Peperiksaan Malaysia melaksanakan tindakan tatatertib selaras dengan kehendak undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

5.35 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah begitu peka berkenaan dengan masalah yang timbul berkaitan dengan kebocoran dan kesilapan soalan-soalan peperiksaan yang diadakan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tadi bahawa pindaan Rang Undang-undang ini hanya memberi tumpuan kepada Fasal 3 iaitu penubuhan Jawatankuasa Tatatertib.

Saya ingin menyentuh di sini Tuan Yang di-Pertua, iaitu fungsi Majlis Peperiksaan ini seperti yang dijelaskan tadi, Majlis Peperiksaan ini ialah khusus untuk peperiksaan STPM dan bagi peperiksaan-peperiksaan lain tentulah pihak kementerian mempunyai lembaga-lembaga yang berbeza, iaitu Lembaga Peperiksaan dan pihak Bahagian Pengajian Tinggi pula tentu dikelolakan oleh peringkat universiti dan pusat pengajian tinggi.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada Majlis-majlis Peperiksaan peringkat STPM, SPM dan PMR ini sama ada memerlukan suatu Majlis Peperiksaan yang berasingan ataupun memadai setakat satu Majlis Peperiksaan yang mengawal masalah-masalah yang berkaitan dengan peperiksaan di peringkat menengah dan peringkat menengah rendah, kerana seperti yang kita sedia maklum kita bimbang agensi-agensi yang kita wujudkan ini hanya melibatkan perbelanjaan yang banyak, yang mungkin membuat kerja yang overlapping, dengan izin.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan iaitu penubuhan Majlis ini dari segi keanggotaannya sudah tentulah dipinjamkan (secondment) dan ia tidak boleh bertindak sebagai JPA ataupun suruhanjaya yang boleh mengambil pegawai-pegawai yang berasingan. Oleh

sebab yang demikian, bahagian yang terlibat dengan tata tertib ini sama ada tidak bercanggah ataupun tidak menjadi double standard dengan tata tertib yang ada di bahagian JPA itu sendiri.

Kita lihat di sini, memanglah tujuan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Tata tertib ini dari segi penguatkuasaan bagi memastikan kebocoran soalan itu tidak berlaku, tetapi kalau kita lihat proses untuk menyediakan soalan-soalan peperiksaan ini di peringkat Lembaga Peperiksaan sudah tentu pihak Majlis Peperiksaan dan Lembaga Peperiksaan Malaysia mempunyai panel-panel yang berasingan. Panel-panel untuk menyediakan soalan, panel-panel untuk menapis soalan dan sampai akhirnya kepada peringkat yang tertinggi sekali iaitu untuk menentukan soalan-soalan mana yang dipilih sebenar untuk menjadikan soalan rasmi. Oleh sebab yang demikian, masalah kebocoran soalan yang sebenar, walaupun boleh berlaku adalah amat tipis sekali, sebab bukan soalan yang disediakan oleh panel soalan itu yang akan menjadi soalan rasmi akan dibuat keputusan di peringkat akhir.

Saya berharap supaya pihak yang memutuskan soalan itu tidak mengambil sepenuhnya soalan yang dibuat oleh pihak panel. Mereka mestilah mengambil sebahagian daripada soalan-soalan bagi mata-mata pelajaran ini dan menjadikan soalan yang muktamad, bukan mengambil semata-mata daripada soalan yang disediakan oleh peringkat panel soalan itu. Kalau begitu berlakunya, maka kemungkinan berlaku kebocoran itu boleh jadi senang sekali. Tetapi kalau dicampurkan soalan-soalan daripada panel-panel yang dilantik,

yang menyediakan untuk mata-mata pelajaran ini, saya fikir soal kebocoran itu dapat dielakkan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya minta penjelasan ialah dari segi penguatkuasaan perkara-perkara yang bersangkutan dengan kebocoran. Kita dapati kalau di dalam akhbar hari ini pihak polis sedang menjalankan penyiastan tentang aduan kebocoran soalan SPM dan penyiastan ini akan dibuat secara menyeluruh. Yang paling malangnya, ianya telah disebar dan dikeluarkan melalui media. Ianya telah menimbulkan suatu keraguan di peringkat orang ramai terutama sekali ibu bapa dan pelajar-pelajar yang terlibat dengan peperiksaan itu. Jadi, kalau perkara ini sudah menimbulkan keraguan dan keputusan muktamad, peringkat polis yang membuat penyiastan belum dikeluarkan lagi, sedangkan pihak kementerian sudah memberi jaminan bahawa tidak ada berlaku kebocoran. Inilah dilema yang sekarang ini menjadi terumbang-ambing difikiran pihak rakyat. Oleh sebab itu, kita mintalah supaya kerajaan membuat sesuatu supaya perkara-perkara yang semacam ini tidak timbul, sekurang-kurangnya kalau pihak polis hendak membuat penyiastan dan sebagainya, perkara itu tidak didedahkan melalui media. Kalau sudah didedahkan mesti satu-satu benda yang sudah dapat disahkan.

Saya yakin jenis kebocoran yang macam ini, kita ada pengawas peperiksaan, kita ada pihak-pihak yang menentukan pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan di pusat-pusat tertentu. Oleh sebab itu, tindakan awal untuk mengesan sama ada soalan itu bocor ataupun tidak bocor, pelajar mana

yang membuat penipuan dan sebagainya boleh dikenalpasti, boleh dikesan lebih awal, sebelum perkara ini didedahkan kepada akhbar.

Oleh yang demikian, kita sangat-sangatlah berharap supaya pihak kerajaan terutama Kementerian Pendidikan memberi perhatian yang khusus supaya perkara ini tidak menjadi suatu tandatanya dan hilang keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap proses peperiksaan yang dijalankan di negara kita. Jadi, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali.

5.42 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan menyokong akta yang telah dibentangkan. Apabila kita meneliti akta atau pindaan ini ia merupakan hasrat dan tujuan untuk membentuk Jawatankuasa Tatatertib dan Majlis Rayuan Tatatertib.

Seharusnya mana-mana badan, lembaga dan agensi kerajaan yang hendak dibentuk hendaklah disusuli pada peringkat awalnya oleh Jawatankuasa Tatertib. Ini adalah untuk mempermudah tindakan yang akan dikenakan kepada kakitangan pegawai yang mana tidak bertanggungjawab, yang mana amanah kita serahkan, tetapi tidak menjalankan amanah dengan sebaik mungkin dan juga telah menghancurkan harapan dan tanggungjawab yang telah diberikan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas pindaan ini dan dengan denda-denda yang telah disusun atur sehinggalah pada akhirnya dibuang kerja. Ini adalah satu perkara yang amat baik, dengan hasrat dan tujuan yang amat baik sekali ialah untuk mengawal keselamatan bukan sahaja kebocoran soalan, akan tetapi untuk menjaga harta benda Majlis.

Oleh kerana akta ini ada berkait rapat dengan pendidikan dan saya tidak berkesempatan bercakap dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, jadi saya mengambil peluang ini untuk bercakap mengenai soal, saya mohon iaitu, walaupun tiga hari yang lepas, soalan saya telah pun dijawab bahawa pusat-pusat pengajian tinggi memberi kelonggaran kepada mana-mana pelajar yang dapat masuk ke pusat pengajian tinggi dengan bayaran di atas kemampuan ekonomi pelajar itu, adakah perkara ini diikuti ataupun dipatuhi oleh pusat pengajian tinggi? Saya harap Kementerian Pendidikan memberi arahan kepada pusat pengajian tinggi supaya menerima bayaran sewaktu pendaftaran masuk di atas kemampuan ekonomi pelajar yang berkenaan. Saya suka memberi contoh di negeri Terengganu telah diwujudkan Yayasan Terengganu. Yayasan ini ditubuhkan adalah semata-mata untuk membantu anak-anak Terengganu yang dapat melanjutkan pelajarannya. Adalah amat elok dengan surat jaminan Yayasan Terengganu, di mana pusat pengajian tinggi ini hendaklah menerimanya dan mengecualikan bayaran sehinggalah para pelajar ini mendapat pinjaman ataupun biasiswa daripada Yayasan Terengganu. Apabila surat jaminan ini telah dikeluarkan, bererti para pelajar ini telah semestinya akan mendapat sponsor daripada Yayasan Terengganu.

Kita faham bahawa harga untuk mendapatkan ilmu pada masa kini amat mahal harganya. Mana-mana anak kita yang dapat melanjutkan pelajarannya ke pusat pengajian tinggi untuk hari pendaftaran sahaja ialah antara RM1,200 hingga RM2,000. Ini amat membebankan mereka. Walaupun perkara ini telah saya cakapkan acap kali di Dewan ini, tetapi tidak ada tindakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Mungkin orang-orang yang bertanggungjawab ini mempunyai kewangan yang banyak, ekonominya kukuh. Jadi perkara ini dipandang enteng dan kecil, akan tetapi bagi orang yang miskin ini adalah satu perkara yang amat besar, yang wajar dan wajib kita sama-sama bertanggungjawab untuk meringankan beban mereka.

Saya berharap ucapan saya pada kali ini diambilkira. Sebab 'kesedaran' itu kita faham, dengan memberi ilmu sahajalah kita dapat meningkatkan martabat orang-orang miskin ke tahap yang lebih baik, dengan kata-kata itu saya menyokong akta yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.49 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dan juga ingin memberi beberapa pandangan mengenai rang undang-undang berkenaan.

Pertamanya ialah mengenai pindaan ini, iaitu pindaan yang dibuat pada Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 yang mana memberi peruntukan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Tatatertib kepada Majlis Peperiksaan, jadi saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian. Walaupun saya rasa

telah 17 tahun lambat, tetapi mungkin keprihatinan ini timbul kerana banyaknya masalah tentang kebocoran soalan peperiksaan dan sebagainya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan ataupun ingin membahaskan, mungkin juga mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tentang konsep peperiksaan itu sendiri, kerana bukanlah pada masa ini sahaja kita mendengar tentang kebocoran peperiksaan, malah banyak kali sudah sepatutnya ianya tidak perlu berlaku lagi, tetapi masih juga kita dapati adanya masalah ini timbul. Soalannya ialah mengapakah kita ada masalah ini dan adakah perlu kita melihat balik apakah rasional dan falsafah peperiksaan itu sendiri. Mengapakah ada pihak yang masih sanggup melakukan satu perbuatan yang begitu mengecewakan terutamanya jikalau mereka yang telah membocorkan soalan-soalan ini adalah mereka yang diamanahkan, apatah lagi kalau ianya datang dari guru-guru itu sendiri. Pada hemat saya tentu sekali banyak sebab mengapa perkara ini berlaku.

Pertamanya, bagaimanakah kita melihat kepada peperiksaan itu sendiri, kepada guru, kepada kementerian dan juga kepada murid, mungkin juga kepada ibu bapa.

Yang kedua, saya juga berpendapat bahawa peperiksaan itu perlulah dilihat dengan secara yang positif, secara yang lebih membina bahawa ianya bukalah satu yang muktamad, yang menentukan nasib seseorang anak murid itu ataupun ianya tidak juga menentukan. Adakah ia dapat menilai prestasi seseorang guru itu dan tidak juga ianya memberi satu implikasi yang begitu berat kepada ibu bapa, yang bersusah payah dan begitu ghairah untuk

mbolehkan anak mereka mendapat markah-markah yang tinggi. Ini adalah satu perkara yang mungkin kita perlu beri satu penyebaran, maksud, konsep, tujuan peperiksaan agar ianya tidak diberi satu salah anggapan.

Kita tidak mahu anak-anak kita terlalu terkongkong dengan peperiksaan, hingga mereka tidak dapat mengembangkan pemikiran, tidak membangun dengan cara yang lebih sihat hinggakan mereka sanggup melakukan apa-apa sekali pun, sanggup meniru, mungkin sanggup membeli kertas peperiksaan dan sebagainya, kerana ini bukan sahaja memberikan satu environment yang tidak sihat, tetapi juga ianya tidak menepati falsafah pendidikan itu sendiri.

Dari konteks guru juga saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, adakah prestasi seseorang guru itu atau guru besar itu dinilai daripada keputusan peperiksaan sesuatu sekolah itu, kerana ada kalanya guru besar sanggup membuang anak murid dari sekolah-sekolah kerana ia takut prestasi peperiksaan sekolahnya terjejas, tidak kira sama ada ianya hampir tiga bulan untuk peperiksaan dan tidak pedulilah apa nasib anak muridnya. Jika ada kesempatan untuk ia membuang murid-murid yang dirasakannya tidak akan dapat mencapai prestasi untuk sekolahnya, maka ia sanggup melakukannya.

Saya juga mendengar bahawa kebocoran soalan-soalan ini banyak berpunca dari sekolah-sekolah asrama yang begitu ghairah sekali untuk cuba mendapat prestasi 100%. Apakah pihak kementerian ataupun kita rakyat biasa melihat kepada prestasi sistem pendidikan itu sangat bergantung kepada 9A,

10A atau 11A. Jika itulah falsafah kita, maka saya rasa kita telah banyak menyeleweng daripada apa yang sepatutnya merupakan dasar pendidikan negara ini. Saya rasa eloklah perkara ini diberi perhatian dan eloklah pihak kementerian dapat memberi satu kajian semula supaya guru-guru dapat juga diberikan, apa sebenarnya penekanan yang hendak dibuat oleh pihak kementerian. Begitu jugalah kepada murid-murid, ibu bapa dan juga kepada majikan-majikan, tetapi kalau kita lihat sekarang ini banyak majikan yang lebih bersikap terbuka, kita tidak melihat kepada 9A itu sebagai ukuran bahawa itulah yang akan menentukan sama ada seseorang itu dapat menjalankan tugasnya dengan baik ataupun tidak.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang tindakan tata tertib yang diperuntukkan di dalam pindaan ini. Apa yang saya dapat lihat peruntukan ini adalah sama seperti peruntukan tata tertib bagi majlis-majlis yang lain, yang ditubuhkan oleh badan-badan kerajaan.

Saya ingin menyarankan memandangkan Majlis Peperiksaan Malaysia ini adalah satu badan yang begitu tinggi amanah yang diberi kepada mereka, inginlah saya mencadangkan bahawa peruntukan tata tertibnya mungkin perlu diubah supaya dapat memberi penekanan tentang severity, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, apakah dia kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini, yang sebenarnya akan membawa kepada satu penalti yang sangat besar supaya mereka yang terlibat dalam Majlis Peperiksaan ini dapat tahu bahawa apa yang mereka lakukan adalah sangat-sangat memberi implikasi yang begitu berat kepada masyarakat dan negara. Terutamanya kita tahu bahawa

pendidikan adalah sangat penting untuk menentukan generasi akan datang dan menentukan pemikiran rakyat.

Saya ingin mencadangkan supaya ia dapatlah diperuntukkan di bawah peraturan yang ditetapkan iaitu boleh mewujudkan kesalahan-kesalahan tata tertib itu. Mungkin di dalam peraturan-peraturan ditetapkan apakah jenis kesalahan dan juga kesalahan-kesalahan mandatori yang dikenakan penalti tertentu, terutamanya mungkin kesalahannya ialah dibuang kerja dan juga hendaklah didenda supaya ia dapat memberi gambaran bahawa penalti itu adalah menjadi satu kesalahan yang tinggi, juga akan memberi satu pengajaran dan deterrent, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang terlibat dalam Majlis Peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

5.55 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap mengenai pindaan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terkilan kalau saya tidak turut membahas Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997, kerana ia ada berkaitan dengan urusan kebocoran soalan peperiksaan yang berlaku boleh dikatakan ada sahaja cerita, apabila sampai waktu peperiksaan, ada sahaja masalah kebocoran.

Agenda negara kita telah menetapkan iaitu untuk menjadikan Malaysia ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di peringkat antarabangsa dan nampaknya Majlis Peperiksaan Malaysia ini belum sampai lagi ke tahap kecemerlangan. Kalau dahulu peperiksaan ini dikendalikan oleh Cambridge, maknanya dibuat di London, jauh tempatnya, sepatutnya di sanalah mudah bocor. Tetapi dahulu tidak timbul soal bocor. Bila kita ambil alih sahaja ada kebocoran, bila dilaksanakan oleh pihak kementerian sendiri di bawah Majlis Peperiksaan -ada kebocoran.

Yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, bila kertas peperiksaan itu bocor, beritanya keluar dalam akhbar, betul atau tidak betul, yang menjadi masalahnya ialah kredibiliti sesuatu peperiksaan itu sudah terhakis. Jadi, bagaimana kita hendak menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa? Nanti pelajar-pelajar kita yang memperolehi sijil telah diragui sama ada ianya genuine atau tidak.

Saya tidak mahu merujuk soal falsafah pendidikan seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berucap sebentar tadi sama ada 8A, 9A - itu soal lain - saya bersetuju. Tetapi soalnya ialah masalah peperiksaan. Baru-baru ini bocor kertas soalan peperiksaan SPM.

Saya hendak minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila 'bocor', yang menyiarkan berita ini ialah akhbar-akhbar tempatan, terpapar di muka hadapan. Ada pelajar yang membuat aduan polis dan menunjukkan contoh soalan yang bocor. Kemudian dalam masa proses aduan polis dibuat saya baca dalam akbar sehari selepas itu Menteri Pendidikan yang

kita kasihi telah membuat kenyataan, 'Tidak perlu bimbang - tidak ada kebocoran'. Walau bagaimanapun, dalam berita yang sama polis sedang menyiasat berita kebocoran ini - ini yang saya tidak faham, kalau sedang dalam proses penyiasatan, mungkinlah Yang Berhormat Menteri terpaksa membuat kenyataan untuk menenangkan keadaan, mungkin untuk menenangkan kegelisahan pelajar-pelajar yang sedang mengambil peperiksaan. Adakah mereka ini terpaksa mengambil peperiksaan semula? Itu adalah masalah anak-anak kita, masalah perbelanjaan tidak kira lagi itu, berapa banyakkah menanggung kos - untuk menenangkan keadaan, sebab itulah kenyataan dibuat untuk tujuan itu, tetapi penyiasatan polis sedang berjalan. Macam mana ada yang mengatakan tidak mungkin berlaku. Saya tidak tahu sebab perkara ini sekarang sedang disiasat, kita pun tidak tahu dan saya harap tidak ada cover-up. Kita jangan bimbang, kita mesti transparent dan kerajaan kita juga adalah kerajaan transparent. Apabila sudah disebut 'bocor' dan yang membuat itu adalah pelajar-pelajar dan kita katakan 'tidak', ada penafian 'tidak', apakah pelajar-pelajar ini main-main? Adakah pelajar-pelajar ini sengaja mengambil kertas soalan yang sudah siap, keluar periksa, disalin balik kemudian difotostat dan ditunjukkan, ada 'soalan bocor'. Adakah semata-mata dia main-main? Terutama pelajar-pelajar ini, mungkin benda itu benar. Saya tidak tahu, tetapi saya serahkan kepada pihak polis yang membuat penyiasatan. Jadi di manakan kredibiliti Majlis Peperiksaan ini. Alhamdulillah pada hari ini ada akta pindaan untuk memperkemaskini lagi termasuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib.

Saya hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, masalah hukuman terhadap kebocoran kertas soalan peperiksaan ini adalah serius - very serious. Ia harus dijadikan kesalahan jenayah yang paling berat dan kalau boleh diperuntukkan undang-undang dan hukumannya ialah mandatori, tiga rotan atau tujuh rotan - ini bukan main-main. Saya serius, sebab kesalahan ini sama dengan penagihan dadah. Ada yang mendapat kertas soalan yang bocor itu - betul, dia mendapat semua A, pelajar-pelajar lain yang mengambil periksa betul-betul dapat markah lain, ini adalah tidak adil - very serious, lebih serius daripada kereta api yang terbalik daripada relnya ataupun lebih serius daripada sebuah helikopter jatuh - lebih serius, it is a serious matter, sebab itu saya bercakap, it's very serious. Kalaulah masalah kebocoran peperiksaan ini tidak dapat diatasi, kita tidak boleh cakap soal Malaysia hendak menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa - no way, dengan izin, sebab itu dia punya prerequisite - prerequisite ini dari segi kredibilitinya peperiksaan, dia mesti kemas betul-betul, maknanya tidak boleh berlaku soal kebocoran kertas-kertas soalan.

Yang menjadi masalah pula, ini akhbar-akhbar di negara kita. Saya mintalah pihak-pihak akhbar itu, kita ada kebebasan akhbar untuk menulis berita, ada berita-berita yang kita kira ada kaitan dengan national interest - national interest maknanya - kalau kita sebut 'perkauman' tidak boleh, sebab itu national interest - maknanya itu boleh mewujudkan permusuhan di antara kaum, jadi kita tidak boleh mengeluarkan berita-berita yang mengapikan perkauman.

Saya maksud masalah kebocoran soalan. Berita kebocoran ini juga adalah sama dengan tahap itu, sebab ia boleh menyebabkan berlaku panik, histeria dan huru-hara. Murid-murid boleh mengamuk, ia boleh mewujudkan ketidaktenteraman dalam negara kita ini.

Berapa ratus ribu murid pada satu kali peperiksaan? Maksudnya cadangan saya yang kedua, apakah mungkin? Sebab mengikut kata Menteri Pendidikan 'mungkin benar' - tidak perlu bimbang, tidak berlaku kebocoran. Ini permainan budak-budak sahaja but the views has been splash, orang sudah baca berita, mungkin sudah masuk dalam Internet, luar negeri semua sudah tahu, orang luar

sudah tahu ada kebocoran, tetapi bendanya belum tentu sama ada benar ataupun tidak. Katalah tidak benar damage has been done dan damage ini tidak sedikit, ini adalah kredibiliti negara kita - kredibiliti pendidikan, bukan benda kecil. Sebab itu saya memikirkan, apakah mungkin perlu kita juga memberi kekebalan, ada kekebalan di mana soal-soal kekebalan kepada Majlis Peperiksaan ini, kalau ada berita soal kebocoran ianya tidak perlulah dijadikan satu berita sensasi dengan cepat, bagi melindungi national interest credibility ini. Ini penting sebab cuba kita bayangkan, kalau betul, okey. Maka itu kelemahan Majlis Peperiksaan, kalau tidak betul, damage has been done - front page dengan gambar pula murid-murid tunjuk, ini soalan yang bocor. Jadi pelajar-pelajar kita ini ingat bocor betul - dia kata yang dapat membeli soalan boleh jawablah, kita ini maksudnya rugilah, sebab kita tidak dapat membeli soalan dan ada manusia, perkara-perkara macam ini pun dia boleh berniaga,

hendak mencari makan menjual kertas soalan dengan harga RM3,000, RM5,000 macam-macam manusia dalam dunia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:

[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan nampaknya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Datuk. Saya tahu maksud Datuk ini berhabis-habisan mencurahkan rasa dan perasaannya, seolah-olah rakyat Malaysia ini tidak amanah, betulkah begitu Datuk? Tidak amanah ini adalah dikutuk oleh Tuhan. Kalau kita kata ada yang mendapat gred 1, ada yang mendapat 7A, tetapi orang lain kata ini mungkin menipu, begitukah Datuk?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak kata rakyat Malaysia tidak amanah, itu termasuk saya sendirilah. Saya pun rakyat Malaysia juga - individu-individu dan ada lagi rakyat kita mungkin segelintir rakyat yang masih lagi, mungkin kerana tidak ada kesedaran, tidak ada iman, tidak ada ketahanan nasional, tidak ada jati diri. Kalau dalam perniagaan tamak, kalau tidak rasuah jadi rasuah, kalau dia bekerja dia tidak patut, soalan tidak bocor dia bocor, yang tidak patut naik pangkat, dia 'bodek' orang tertentu hendak naik pangkat cepat. Tunggu beg, bimbit beg orang-orang tentu di airport, dalam dunia politik, dalam dunia kerajaan semuanya ada ini. Tetapi tidak ramai - segelintir yang belum ada jati diri, yang belum ada ketahanan nasional, yang

belum ada keinsafan, belum ada kesedaran, yang tidak tahu takut, dia tidak tahu dia rasa tidak akan mati, dia boleh terlepas hukuman dunia, tetapi dia tidak akan terlepas dari hukuman akhirat. Ikut manapun urusan dunia kita kena tadbir - ini soal fardu kifayah. Kita mesti tadbirkan dengan baik. Tetapi adalah yang mungkin 'seekor kerbau yang membawa lumpur sekandang lembu semuanya terpalit'. Inilah dia, 'kerana setitik nila, rosak habis susu sebelanga' - dalam Majlis Peperiksaan ini mungkin ada seorang sahaja, tetapi nama dan kredibiliti Majlis Peperiksaan dan nama baik Kementerian Pendidikan dan yang lebih penting nama baik dan wibawa negara kita, kita hendak buat smart school, kita hendak buat Sekolah Bestari.

Kita hendak tubuhkan macam-macam universiti, tetapi proses pendidikan kita ada sistem, kita hendak menengah tinggi di peringkat menengah rendah ini, ada peperiksaan - bocor - ada peperiksaan - bocor.

Saya berharap Kementerian Pendidikan tangani masalah ini dengan serius dan tegas, sebab itu saya cadangkan tadi, kalau perlu ada kekebalan. Sebab dalam hal soal kebebasan pun satu masalah juga, orang hendak transparent. Barat tuduh kita tidak demokrasi, akhbar kita terpimpin. Kalau membaca kenyataan-kenyataan pihak-pihak pejuang-pejuang hak asasi manusia mengatakan akhbar-akhbar Malaysia ini tidak ada kebebasan, tidak terpimpin. Ini milik kerajaan, berat sebelah. Tuduhan pembangkang pun macam itu. Tetapi kalau kita tengok berita-berita yang keluar kadang-kadang lebih bebas daripada bebas sehingga boleh merosakkan kredibiliti negara, sebab itu saya fikir oleh kerana kadang-kadang sesuatu yang berlaku ada orang yang pergi

report polis buat aduan, tetapi report itu palsu. Oleh kerana ada report, polis kena ambil report, walaupun palsu, dia ada cop, ha! Ini salinan report - itu pun sudah menjadi bahan berita. Itu pula belum tentu betul atau tidak betul, tetapi diberi tempat dalam muka hadapan.

Saya cukup baik dengan

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Tuan Yim Chee Chong: Bolehkah Datuk terangkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah hak asasi manusia?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, saya hendak selamatkan masa. Nanti saya beri buku Amnesty International ada definisinya. Hak asasi ini maknanya pada setengah orang 'everything is freedom'lah, maknanya kalau setengah-setengah pertubuhan hak asasi manusia ini, kalau pakai kain sedikit pun, itu dikira hak asasi - dia boleh buatlah, walaupun dikata dia itu 'orang gila'. Pada dia itu hak asasi, dia boleh buat ikut dia suka.

Dalam dunia, orang yang mengatakan hak asasi manusia ini, hak kebebasan - itu satu hallah. Cara hidup dia pun maknanya, apakah kita katakan kalau ada orang hendak menjadi macam - minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya mesti sebut, kalau ada orang hendak menjadi macam 'binatang' contohnya, perangai macam 'binatnglah' tidak pakai baju, dia berjalan di tepi jalan, orang boleh tuduh 'orang gila', tetapi dia kata elok - ini hak asasi saya, ikut suka sayalah. Itu maksud setengah-setengah persepsi orang-orang yang

memperjuangkan hak asasi. Jadi, saya hendak balik kepada isu yang saya bangkitkan tadi.

Orang menuduh bahawa akhbar kita ini dipimpin, akhbar kita ini dikongkong, berat sebelah. Tetapi tengok cara berita itu dibuat. Ada kadangkadangkang itu memang mengejutkan, contohnya masalah 'kebocoran soalan', sebab itu saya fikir perkara ini serius, kalau setengah orang mungkin memikirkan bahawa cadangan saya ini 'joke' ataupun takkanlah sampai ke peringkat itu hendak beri kekebalan, sebab ini adalah soal kredibiliti. Apapun dalam dunia ini yang penting ialah kredibiliti, a leader mesti ada kredibiliti, agensi kena ada kredibiliti, negara kena ada kredibiliti, sebab once we loss the credibility, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, pakai cantik pun tidak guna. Sebab itu kita menjadi pemimpin, walaupun pangkat tinggi, pakai cantik macam manapun, misalnya pakai 'zechna'kah, tetapi kalau orang tahu kita rasuah, pegang jawatan setinggi mana pun orang tidak hormat, betul tak? Lalu dengan kereta, orang kata 'itu penyangak sudah balik'. Ini dalam masyarakat kita, masyarakat bebas dan masyarakat demokrasi. So, kita tidak 'Don't judge the book by its cover', sebab kita kata jangan, 'Don't judge the book by its cover', cuma yang pentingnya saya hendak sebut kredibiliti. Misalnya polis kita kena ada kredibiliti, tentera kita ada kredibiliti. Nanti saya hendak bercakap soal hasil dalam negeri, pegawai-pegawai hasil dalam negeri kena ada kredibiliti, kena tubuhkan board, semua ada kredibiliti.

Kita sebagai anggota Dewan Negara pun ada kredibiliti, kalau kita tegur, kita tegur untuk membina, jangan kita pilih-pilih sengaja hendak

seronok-seronok - tidak ada, credibility purely principal, baru negara kita ini dipandang mulia, baru negara kita ada kredibiliti. Jadi, bila soalan bocor, is a very big thing.

Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, saya terkejut bila ada kapal terbang atau helikopter jatuh, sebab ada orang yang meninggal - mati, seperti pilot kita, kereta api tergelincir, ada orang meninggal, kereta berlanggar, ada nyawa yang terbang. Apabila soalan bocor, tidak adalah yang meninggal, tidak ada yang mati, tetapi pada saya seriusnya lebih daripada itu, because it's a matter of credibility - without credibility, tidak ada makna. Nanti orang menganggap bahawa sijil yang dikeluarkan di Malaysia ini tidak ada nilai, sebab - soalan bocor, sebab orang bercakap - mungkin tidak betul, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, mengatakan saya menuduh 'betul'. Saya hanya memberi dua perspektif.

Satu perspektif mungkin bocor dan satu perspektif lagi mungkin tidak bocor sebagaimana kata menteri dan satu lagi pandangan atau berita yang didedahkan dengan begitu cepat, berita yang dijadikan isu dan kalaulah didapati akhirnya berita itu tidak betul - susah, kerana kita banyak musuh, orang ramai yang dengki pada kita.

Begitu juga dengan jerebu di negara kita dahulu, gelap-gelita - teruk, sehingga dalam CNN keluar tiap-tiap hari, tetapi bila sudah cerah dia tidak siarkan. Soalan periksa bocor juga dimasukkan di dalam Internet, soalan bocor juga boleh dimasukkan dalam akhbar dan bila didapati tidak salah, dua tiga bulan lagi, kenyataan menteri disiarkan - mungkin ia tidak dikeluarkan lagi,

kerana berita itu diluar negeri. Maka kredibiliti kita sudah terjejas, dengan sebab itu saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak hendak tanya bab-bab teknikal, tetapi saya hendak menyatakan harapan, apakah kita boleh memberi jaminan? Kita hendak memberi jaminan pun kerja Allah S.W.T, jika kita beri jaminan pun, kalau hendak bocor, kita hendak buat macam mana, Yang Berhormat Dr. Fong Chan Onn.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Betul. *[Ketawa]* Kalau hendak bocor juga, adakah kita boleh memberi jaminan yang spesifik bahawa perkara ini tidak akan berulang lagi dan bagaimana kementerian hendak mengawal berita-berita seumpama ini jangan cepat dijadikan berita, kerana ini adalah urusan kementerian dengan pihak-pihak akhbar.

Pihak kementerian pun ada juga mungkin pegawai perhubungan awam, kenalah jumpa dengan pihak-pihak akhbar ini cerita mengenai benda-benda yang sensitif. Kementerian Dalam Negeri dia mengatakan sensitif, dia kata ini perkauman. Kepada Kementerian Pendidikan lain semua boleh kritik, we are allow to be criticised, but all the soalan ini bocor atau tidak, dia tidak sabar lagi. Kalau hari ini ada berita tunggu, hendak cek dengan menteri, boleh tunggu besok atau tiga hari lagi, sebab kalau berita itu hendak dikeluarkan pada 6 haribulan. kalau bocor sungguh dua minggu lagi pun boleh siap, kalau hendak disiapkan, bukan immediately, ini adalah disebabkan soal kredibiliti seperti yang saya katakan tadi. Saya cukup tidak senang hati bila tengok berita ini, selepas itu besok ada penafian, kemudian dalam berita yang sama, yang ini

kata tidak, yang ini kata disiasat pula - bukankah tidak elok itu. Jadi di sinilah teguran saya dan cadangan mengenai hukuman itu tadi disebutlah bermacam-macam, seperti amaran, denda, penangguhan pergerakan gaji sehinggalah buang kerja. Kalau tanya saya bab ini, saya kata 'mandatori', is okay dikenakan dua rotan atau tiga rotan, kenakan pada dua, tiga, empat orang supaya menjadi pengajaran. Kalau tidak perkara ini berlaku lagi, kerana dalam soal peperiksaan ini ada orang yang kena buat, takkan dia jadi dengan sendirinya, tiba-tiba baca, ada runding di luar - itu tidak boleh -, dia ada profesor, dia ada doktor, ada pensyarah yang membuat soalan ini, dia kena tulis juga. Maka dia serahkan kepada sesuatu pihak baru dimasukkan ke dalam peti besi, hendak jaga lagi, tetapi ia boleh juga.

Waktu saya ditahan di bawah ISA dahulu, saya hendak cuba lari juga daripada lokap, tetapi tidak boleh - kunci besar, hendak juga saya mencari jalan keluar, tetapi tidak boleh. Tetapi mengapa soalan ini boleh bocor. Itu dari segi keselamatan dan itulah sebabnya saya mengkritik ini. I hope pihak kementerian dan pihak kerajaan take the good faith, dengan izin.

Saya bercakap dengan ikhlas untuk membina supaya kita benar-benar menjadi pusat kecemerlangan pendidikan, betul-betul dihormati. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong betulkah begitu? Jadi, itu yang saya maksudkan. Kita juga hendaklah memikirkan soal 'mandatori' dan kekebalan tadi, macam mana hendak mengatasi kalau ada lagi berita-berita seumpama ini, bukan sahaja berita.

Saya lupa hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, pada masa yang sama sedang heboh kertas soalan bocor, keluar berita di Kedah ada pula orang menjumpai kertas jawapan pelajar-pelajar yang sepatutnya dihantar ke tempat yang selamat untuk diperiksa, ada pula terjumpa disatu tempat - ini pun boleh berlaku, jadi macam mana perkara ini boleh berlaku? Saya haraplah supaya Kementerian Pendidikan ini kuat, kakitangan pun ramai, macam-macam pengarah ada, kementerian pun besar sama dengan kementerian lain, tetapi, ada Menteri dan dua Timbalan Menteri, maknanya kuat, ada Ketua Pengarah Pendidikan, ada itu, ada ini, ada Majlis Peperiksaan - ramai sungguh, peruntukan pun paling besar, di Kementerian Pendidikan. Jadi, everything is pendidikan. Oleh itu, harapan saya betul-betul go for excellence, jangan kita bercakap cemerlang, pendidikan antarabangsa, cemerlang pendidikan - cemerlang pendidikan, besok bocor, ha! Jangan jadi macam dahulu, insya-Allah keretapi tidak akan terbalik lagi, tetapi selepas menteri bercakap besok kereta api terbalik di Gemas. Insya-Allah helikopter kita tidak jatuh lagi, tetapi tiga minggu selepas itu ada pula yang jatuh, jangan jadi macam itulah. Saya harap jangan jadi macam itu. Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.17 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan (Pindaan) 1997, yang mana mengutarakan salah satu daripada perkara yang paling penting yang saya anggap di sini iaitu penubuhan Majlis Tatatertib.

Majlis Tatatertib ini sepatutnya telah ditubuhkan lebih awal lagi supaya perkara-perkara terutama sekali mengenai peraturan yang harus diperketatkan dalam Majlis Peperiksaan ini dapat diadakan dan diuruskan lebih awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku selalu sudah disebut-sebutkan iaitu mengenai kebocoran soal peperiksaan sangatlah memalukan. Ini seperti apa yang telah diutarakan oleh kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjejaskan dengan izin, credibility keputusan peperiksaan seperti SPM dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini dinyatakan hukuman yang akan dikenakan kepada mereka yang dipertanggungjawabkan untuk memungut wang sekiranya mereka lalai, lambat dan seterusnya. Begitu juga disebutkan bahawa Majlis Tatatertib akan membuat peraturan untuk menentukan peraturan-peraturan yang harus diaturkan dan diuruskan untuk tatatertib ini. Tetapi sayang sekali perkara-perkara yang tertentu mengenai kesalahan seperti kebocoran kertas peperiksaan tidak disebut.

Saya berharap Majlis Tatatertib ini kelak dalam merangka peraturan yang hendak dibuat harus juga memikirkan perkara-perkara seperti berikut. Dalam hujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, banyak teguran dan kritikan telah ditumpukan kepada orang yang menyebarkan, mengeluarkan ataupun mengedarkan kertas peperiksaan itu dengan niat untuk mengambil keuntungan dan seterusnya sehingga kita meragui sama ada mereka ini beramanah ataupun tidak.

Apa yang penting di sini Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sistem peperiksaan itu yang diadakan oleh Majlis Peperiksaan ini harus dikaji semula dan tiap-tiap orang yang dipertanggungjawabkan untuk menentukan keselamatan ke atas kertas peperiksaan ini harus diambil kira juga dan mereka juga harus dipersalahkan dan dihukum. Sekiranya mereka didapati dengan sengaja ataupun kerana kelalaian dan kecuaiannya, maka perkara seperti mencuri ataupun mengedarkan kertas peperiksaan itu oleh seseorang dapat dilakukan. Ini sama juga seperti bil yang telah kita bincangkan sebelum ini, iaitu mengenai dengan Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 1997, di mana misalnya kalau cek itu ditandatangani oleh orang yang memalsukannya, orang yang mempunyai cek boleh juga dipersalahkan kerana jika dapat bahawa pemalsuan itu telah dilakukan dengan secara sengaja ataupun kerana kecuaiannya.

Di sini saya berharap bukan sahaja orang yang melakukan kebocoran kertas peperiksaan ini dipersalahkan, bahkan orang yang dipertanggungjawabkan supaya sistem itu dapat diurus dengan selamat harus juga diberi hukuman setimpal dengan kesalahan yang dibuatnya. Saya berharap peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh Majlis Tatatertib akan menimbang dan akan memuatkan perkara-perkara ini dalam peraturan tersebut.

Sepertimana kita maklum, tiap-tiap satu perkara yang buruk boleh berlaku bukan sahaja kerana ada orang hendak membuat perkara itu, tetapi

mungkin disebabkan oleh suasana ataupun keadaan (environment), dengan izin yang mana boleh menyebabkan sesuatu perkara yang buruk itu boleh berlaku

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain benar-benar berasa malu apabila tersiarnya dalam satu berita akhbar mengenai kebocoran kertas peperiksaan kita, yang mana bukan sekali sahaja yang telah berlaku, tetapi selalu. Jadi, seolah-olah tidak ada satu sistem yang ketat untuk menjaga keselamatan kertas peperiksaan kita. Ini saya khuatiri akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk membuat negara kita sebagai satu tempat di mana pengajian-pengajian tinggi akan dapat ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan (Pindaan) 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri dipersilakan menjawab.

6.24 ptg.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pendidikan saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan sistem pentadbiran dan sistem badan-badan untuk mengawalselia peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga atau Majlis Peperiksaan ini ditubuhkan pada tahun 1980 untuk mengambilalih peperiksaan ‘A’ Level pada masa itu iaitu peperiksaan HSC daripada University of Cambridge. Oleh kerana peperiksaan ini pada masa itu adalah satu peperiksaan yang diberi pengiktirafan di peringkat antarabangsa iaitu sama dengan ‘A’ Level untuk membolehkan pelajar-pelajar kita memasuki universiti-universiti di luar negara. Jadi, kita rasa adalah wajar kita ada satu Majlis berasingan untuk menjaga peperiksaan tersebut dan sampai masa sekarang peperiksaan itu telah dijalankan dengan licin dan kita juga mendapat pengiktirafan sijil kita sebagai sama taraf dengan ‘A’ Level di United Kingdom dan pelajar-pelajar kita juga boleh diterima masuk ke universiti-universiti, bukan sahaja universiti di United Kingdom, tetapi di Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan sebagainya, berasaskan kepada keputusan STPM. Memang kita merasa sedih ada tuduhan-tuduhan dan dakwaan-dakwaan berkaitan dengan kebocoran dan untuk memberitahu semua ahli-ahli, khususnya Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali dan sebagainya, memang Kementerian Pendidikan bukan sahaja ingin menjaga imej peperiksaan dan kredibiliti sistem peperiksaan kita, kita juga menjalankan tugas kita sebagai open book dan di sini tugas penting Kementerian Pendidikan ialah untuk menjaga transparency kita.

Jadi, apabila ada dakwaan sama ada benar atau tidak kita mengalu-alukan tindakan pihak-pihak luar khususnya pihak polis dan juga ada kita baca

di surat khabar bahawa ACA juga telah memulakan siasatan. Kementerian Pendidikan kita bukan sahaja tidak menghalang, tetapi kita memberi sokongan yang penuh kepada siasatan tersebut sebagai sebuah badan yang accountable kepada rakyat Malaysia. Kita mengalu-alukan siasatan tersebut, kita yakin dengan adanya siasatan ini kredibiliti kita bukan sahaja boleh di'maintain', tetapi dipertingkatkan kerana we have nothing to cover-up, dengan izin. Oleh kerana masa adalah singkat, jadi saya tidak ada banyak masa untuk menjawab semuanya.

Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kredibiliti dan imej sistem peperiksaan kita adalah fungsi dan vision utama Kementerian Pendidikan. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua cadangan Ahli Yang Berhormat dan kita akan mengambilkira.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

